

Volume III
No. 28



Friday
3rd February, 1967

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 4125]

BILL:

The Supply (1967) Bill—

Committee:

Heads S. 14 and S. 15 [Col. 4142]

Head S. 16 [Col. 4174]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the Second Dewan Ra'ayat

Friday, 3rd February, 1967

The House met at half-past nine o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr (Deputy) Speaker, TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ the Prime Minister and Minister of Foreign Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, TAN SRI V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Health, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister of Labour, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting and Minister of Culture, Youth and Sports, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister of Lands and Mines, TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- The Honourable the Parliamentary Secretary to the Minister of Health,
TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour,
TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasir Mas Hulu).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH, S.M.K. (Kelantan Hilir).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, J.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

- The Honourable TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K.
(Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- „ TUAN MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,
A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAFA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S.,
A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SANDOM ANAK NYUAK, A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

The Honourable TUAN TAJUDDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
 „ TUAN TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
 „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
 „ TUAN TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
 „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
 „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
 „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
 „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
 „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
 „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
 „ the Minister of Finance, TUAN TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
 „ the Minister of Transport, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
 „ the Minister of Education, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
 „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
 „ the Minister for Local Government and Housing, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
 „ the Minister for Sarawak Affairs, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
 „ the Minister for Sabah Affairs, TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).
 „ the Assistant Minister without Portfolio, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
 „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
 „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
 „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
 „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
 „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
 „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
 „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
 „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
 „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
 „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).
 „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
 „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
 „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).

- The Honourable TUAN STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ TUAN THOMAS KANA (Sarawak).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr (Deputy) Speaker *in the Chair*)

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

HUTANG DARAH

1. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Luar Negeri (a) sa-takat ini sa-jauh mana perundingan yang telah terchapai diantara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun berhubung dengan “hutang darah” dan (b) apa-kah sambutan pehak Kerajaan Jepun terhadap tuntutan kita untuk menyelesaikan “hutang darah” ini sama ada dengan bayaran wang atau mata benda.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tuntutan, apa

yang di-sebutkan “tuntutan darah”, Kerajaan telah pun bersetuju hendak menimbangkan permintaan kita itu. Tetapi, di-sini saya suka hendak menerangkan, ada-lah bayaran ini sa-mata² untok hendak menunjokkan muhibbah Kerajaan Jepun terhadap Kerajaan Malaysia dan orang² Malaysia ini. Sa-kira-nya hendak di-katakan hutang ini “hutang darah” beratus² atau beribu² million tidak menchukupi hendak menebus apa yang telah hilang di-dalam masa Jepun dahulu, baik pun terhadap nyawa atau pun harta-benda. Jadi, hal ini telah pun, bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, telah di-tuntut oleh Kerajaan British dan Kerajaan Jepun telah membayarkan beribu² million ringgit—bayaran yang di-katakan bayaran kerugian peperangan, bayaran darah dan sa-bagai-nya, bahkan segala harta-benda Jepun

yang ada di-negeri ini, baik pun kebun getah atau pun bijeh besi, semua-nya telah di-serahkan kepada Kerajaan British pada waktu itu. Tetapi, Kerajaan British tidak memberikan kepada orang² Malaysia yang dapat kerugian itu, kerana di-pandangan, barangkali, pada masa itu susah hendak di-berikan kepada satu orang, jadi di-gunakan wang itu untuk *rehabilitation* negeri kita ini, atau perelokan negeri kita selepas di-tinggalkan oleh Jepun atau selepas di-binasakan oleh Kerajaan Jepun.

Jadi, timbul balek bayaran ini ia-lah dengan kerana pada satu masa di-jumpai tulang² dan rangka² manusia yang telah di-bunoh oleh Jepun—pemerintahan pada waktu itu, dan saya ingat Mr Lee Kuan Yew pada waktu itu menjadi Chief Minister Singapura, meminta satu million ringgit sahaja dari Jepun untuk di-benakan satu Tugu mengingat² pengorbanan² orang² ini. Jadi, daripada situ telah pun merebak—jadi sudah merebak. Masa Malaysia tertuboh, saya telah menimbangkan permintaan itu, apabila disebut permintaan darah, dan daripada satu million di-naikkan dekat \$100,000,000. Saya kata, ini saya lepaskan tangan saya, saya ta' mahu champor. Fasal, kalau di-tuntut darah, saya hendak tuntutan sa-ribu million pun ta' chukup. Kalau mereka setuju untuk hendak tuntutan atau hendak minta hapuskan segala perasaan yang ta' baik terhadap Jepun dengan perbuatan-nya yang zalim di-waktu itu, itu saya terima-lah untuk merundingkan dengan pehak Kerajaan Jepun. Jadi, dengan kerana itu telah pun diam, telah pun sunyi hal ini. Melainkan baharu² ini, Mr Shina, Menteri Luar Negeri Jepun telah datang ka-sini dan apabila dia pergi ka-Singapura, dia bersetuju bayar \$25,000,000 kepada Singapura, jadi ini telah timbul balek hal ini di-sini. Dan apabila timbul balek, permintaan orang² sini menerusi Associated Chinese Chambers of Commerce, di-mintakan sa-bagai tuntutan darah. Apabila di-mintakan sa-bagai tuntutan darah, saya kata, hendak-lah timbangkan dengan chara yang saksama—jangan-lah timbangkan dengan chara bayaran darah.

Sa-bagaimana yang saya katakan tadi, saya susah hendak mengetuai perundingan berkenaan dengan ini, kerana kalau bayar sekian banyak, berapa banyak pun ta' chukup. Jadi, kalau mereka mahu timbangkan sa-bagai bayaran untuk sagu hati atau hendak mengambil hati orang² sini, bayaran sa-bagai kata bayaran muhibbah, hendak menunjokkan kaseh-mesra antara satu dengan lain, saya terimalah. Jadi, dengan kerana itu besok hari, hari Sabtu, saya akan berjumpa dengan Associated Chinese Chambers of Commerce dan menerangkan hal itu kepada mereka itu. Jikalau mereka itu dengar nasehat saya ini, barangkali dapat-lah kita selesaikan hal itu, *once for all*, perkataan orang Inggeris ini, boleh jadi sa-lama²-nya.

Jadi, apa chara hendak bayar bayaran itu, saya suka sebutkan di-sini, saya telah berchakap dengan wakil Jepun di-sini dan dia kata Jepun telah tentu tidak dapat bayar dengan wang tunai dengan kerana mereka ini tidak ada exchange—Foreign Exchange, Jadi, apa yang mereka bersetuju hendak bayar ia-lah dengan jalan benda—harta benda. Jadi, ini-lah sa-takat yang boleh di-cheritakan kepada Ahli² Yang Berhormat, kerana hal ini telah pun didalam kesedaran orang² di-sini dan saya harap keterangan yang saya beri pada hari ini dapat menerangkan kepada Yang Berhormat apa yang telah kita jalankan sa-lama ini. Jadi, itu-lah—sa-takat itu-lah dapat saya menerangkan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Negeri, memberitahu Dewan ini ada-kah Kerajaan sedar bahawa satu timbal-balas yang akan di-adakan oleh Dewan Perniagaan China di-Tanah Melayu ini dengan sebab hutang darah itu—ini tidak diberitahu kepada Dewan ini—ia-itu mereka akan menjalankan satu tindakan memulaukan barang² Jepun yang masuk di-Malaysia ini?

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya faham baik pun bagi Dewan Orang China ini dan lain²

orang, mereka sungguh pun, ini-lah perasaan mereka hendak boycott dan segala²-nya sa-kira-nya tidak bayar sampai puas hati mereka itu, tetapi sa-bagaimana yang saya dengar apa sahaja pendapat saya, mereka tidak akan membangkang.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri menerangkan kepada Rumah yang mulia ini, ada-kah hutang darah yang terkandung daripada darah orang² China sahaja yang terkorban di-dalam peperangan Jepun dahulu, atau pun termasuk juga hutang darah bagi darah orang² Melayu yang telah terkorban dalam masa peperangan Jepun dahulu?

The Prime Minister: Bagitu-lah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita sebut hutang darah, bayar hutang darah, termasuk-lah semua darah, darah Melayu, darah China, darah India—Arab pun masok. Jadi, itu-lah saya ta' mahu sebutkan bayaran ini kepada bayaran hutang darah, chuma bayaran muhibbah untuk hendak menebus nama baik, dia kata nama baik Jepun sekarang ini di-atas apa yang di-buat oleh tentera² Jepun masa dahulu, masa peperangan itu. Jadi bayaran ini, jika-lau bayaran kita terima dengan perasaan itu-lah dengan perasaan yang baik. Perasaan kata-nya, perasaan jujor—itu-lah sebab-nya saya sebut dengan bahasa Inggeris goodwill grant.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Soalan tambahan. Sa-kira-nya orang Melayu juga terkorban di-dalam peperangan Jepun yang tersebut, kenapakah Associated Chinese Chamber of Commerce membuat langkah² yang begitu sa-olah²-nya mereka sahaja yang telah terkorban, bukan orang lain?

The Prime Minister: Yang sa-benar-nya orang Melayu pun masok minta, orang India pun ada masok, orang China pun masok. Jadi, saya hendak berunding dengan semua pihak ini, bagaimana saya kata, bukan-lah bagi hendak bayar bayaran hutang darah ini. Jadi, dengan kerana itu-lah saya jemput wakil Associated Chinese Chamber of Commerce untuk hendak meng-

ambil pendapatan sahaja. Kalau dapat wang ini bukan-lah wang harta benda ini. Chadangan yang sa-benar-nya kita hendak menubuhkan satu universiti di-Pulau Pinang untuk hendak memberi pelajaran, pelajaran yang boleh berguna kepada orang² kita semua, tidak kira Melayu, China atau India sa-bagaimana pelajaran perikanan, pertanian, segala pelajaran yang hendak memberi faedah yang besar kepada orang² kita di-atas segala level dia, atau segala gulungan-nya.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, dengan pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya bersetuju dengan pendapat sa-belum daripada ini yang di-keluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ia-itu kejelasan yang telah dilakukan oleh tentera² Jepun di-Malaysia ini tidak dapat di-bayar walau pun dengan berapa banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta penjelasan pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah-kah kita menyiasat tuntutan ini dari segi lain? Ada-kah kemungkinan pada pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ia-itu tuntutan yang telah di-kemukakan dengan sa-chara yang keras oleh Dewan Perniagaan itu ada-lah sa-mata² mempunyai maksud untuk memburokkan perhubungan di-antara Malaysia dengan Kerajaan Jepun yang pada pendapat saya sekarang ini ada-lah dalam keadaan yang amat baik dan kalau pada pendapat Yang Amat Berhormat Tunku Perdana Menteri perhubungan di-antara Jepun dengan Malaysia ini akan menjadi tidak baik dengan tuntutan yang bagini keras, maka saya menhadangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengeluarkan perintah supaya jangan ada lagi tuntutan² yang akan membawa perhubungan baik kita dengan Jepun ini terputus.

The Prime Minister: Itu sa-benar-nya, tetapi yang boleh berbangkit hal ini, barangkali dengan kerana kesalahannya, kalau boleh di-sebutkan kesalahan Kerajaan Jepun, dia pergi beri

kapada Singapura dengan tidak beri sama pada waktu itu kapada Malaysia. Jadi, perasaan orang Malaysia sa-bagaimana Kerajaan Jepun, tidak menimbangkan berat atas Malaysia ini, tetapi timbang lebeh berat atas Singapura. Jadi, ini-lah yang berbangkit hangat yang saya faham daripada perundingan saya dengan segala² orang itu. Jadi, dengan kerana itu-lah sa-bagaimana Jepun kata bukan dia tidak timbangkan di-atas kita ini, atau perasaan kita ini, tetapi di-beri ka-Singapura dahulu dan chadangan-nya apabila dia balek, dia hendak beri kuasa kapada Duta Besar dia untuk berunding dengan Malaysia ini, apa-kah chara² yang dia hendak bayar kapada Malaysia ini. Jadi, itu-lah yang sa-betul-nya dengan kerana bayar Singapura dengan tidak bayar pada kita. Kalau sa-masa atau sa-rentak bayaran Singapura dengan Malaysia tidak-lah berbangkit hal ini. Jadi, ini-lah saya nanti akan chari jalan hendak betulkan apa chara-nya dan Kerajaan Jepun pun sangat-lah suka kalau boleh-nya di-selesaikan hal ini dengan tidak berbangkit perasaan yang tidak baik terhadap dua negeri itu.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Yang di-Pertua, minta ma'af satu lagi. Pada pendapat sa-tengah² puak dalam Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu senang hati melihat perhubungan baik di-antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun dan usaha² ka-arrah ini telah di-buat ia-itu untuk memalingkan kebaikan perhubungan kita ini dengan sa-buah Kerajaan lain—Taiwan. Ini-lah usaha² yang di-lakukan. Mereka tidak begitu suka melihat kita ini berbaik benar dengan Jepun ini supaya kita berputus dan sa-olah² menggantikan tempat Jepun itu dengan Taiwan. Ini-lah usaha²-nya yang telah di-lakukan oleh sa-golongan ra'ayat Malaysia.

The Prime Minister: Yang itu saya tidak tahu-lah. Perkara itu dalam sangat.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut kata Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri,

kalau dapat wang pembayaran ini, maka akan di-buat universiti di-Pulau Pinang. Ada-kah keputusan hendak membuat universiti di-Pulau Pinang itu satu keputusan yang muktamad yang tidak dapat di-ubah? Sebab kalau ini bukan lagi satu keputusan yang muktamad, saya fikir patut-lah pehak Kerajaan menimbangkan supaya di-buat universiti ini di-Pantai Timor, mithal-nya di-Kuantan—di-negeri Pahang; itu pun termasuk Pantai Timor supaya anak² Melayu atau pun bumiputera di-Pantai Timor itu akan dapat pula merasa nikmat lebeh ramai lagi menduduki di-dalam universiti sa-bagaimana yang kita nampak sekarang ini maseh kurang lagi.

The Prime Minister: Saya akan timbang hal itu, tetapi boleh juga kita buat di-Pantai Timor dan buat juga di-Pulau Pinang—universiti di-Pulau Pinang. Saya ingat banyak orang² Pantai Timor suka datang sa-belah pantai barat ini, kerana ada keramaian lebeh, tetapi boleh-lah kita timbangkan buat College Perikanan di-sana dan sa-bagai-nya.

TANAH DALAM RANCHANGAN LEMBAGA KEMAJUAN TANAH

2. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok) bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (a) ada-kah benar bahawa tanah yang telah di-untukkan kapada peserta² dalam ranchangan² L.K.T.P. tidak boleh di-pesaka² sa-lagi mereka belum menyelesaikan hutang kapada Kerajaan; dan (b) apa-kah peratoran² yang sa-benar-nya mengenai perkara ini.

The Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, tanah yang di-untukkan kapada peserta² di-Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah, boleh-lah di-pesaka², sa-kiranya hutang kapada Lembaga belum di-bayar jelas. Tetapi, perkara ini ada-lah terta'alok kapada fasal atau sekshen 14, 15 dan 16, Group Settlement Act tahun 1960, ia-itu tanah² ini tidak boleh-lah hendak di-bagi²kan atau pun di-punya² oleh lebeh daripada satu

orang. Dengan sebab itu, jikalau sa-saorang peserta itu meninggal dunia dan ada mempunyai warith² yang ramai, mustahak-lah warith² itu menentukan yang tanah itu akan di-pesakai oleh satu orang sahaja. Kalau tidak, pehak Collector atau Pemungut Khazanah Tanah ada kuasa hendak menjualkan tanah itu kepada satu orang sahaja dan wang yang di-dapati itu boleh-lah di-bagi² kepada warith tersebut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bersetuju, tanah yang belum di-jelaskan itu di-pesakai oleh satu orang, kerana memandangkan kepada ranchangan itu untuk di-majukan lebeh elok. Jikalau kita pechah²kan tentu-lah ranchangan itu terbenkakai.

Tetapi saya hendak bertanya, apakah ma'ana di-pesakai oleh sa-orang itu, erti-nya warith² lain tidak berhak, sebab apabila satu orang itu mati warith²-nya ada tiga empat, kalau kita katakan sa-orang sahaja yang dapat erti-nya dua tiga lagi sudah tidak dapat mewarithi sa-suatu, maka itu berlawanan dengan ajaran Islam dan dengan ugama² lain. Tetapi saya hendak tahu, pengertian sa-orang mewarithi itu.

Tun Haji Abdul Razak: Kalau Ahli Yang Berhormat itu dengar baik² per-chakapan saya, dia tentu faham, atau pun kalau dia bacha Group Settlement Act dia tentu faham. Saya kata tadi, kalau sa-orang peserta itu meninggal dunia dan dia mempunyai beberapa orang warith²: menurut ugama-nya, ugama Islam atau ugama² yang lain, mustahak-lah warith² itu menentukan ia-itu satu sahaja daripada warith itu mempesakai tanah itu, mendapat tanah itu, yang lain itu di-bagi wang-kah atau pun dia bagi ganti dengan chara lain.

Kalau warith² itu tidak dapat hendak bersetuju yang tanah itu di-pesakai oleh satu orang sahaja, maka pehak Collector ada-lah berkuasa menjualkan tanah itu kepada satu orang sahaja dan harga tanah yang di-dapati itu, di-bagi kepada warith²-nya menurut-lah atoran ugama orang itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Saya berpuas hati dengan jawapan itu, dan kehendak undang² itu, tetapi saya hendak bertanya, ada-kah chara yang di-buat begitu berdasarkan 'adat isti'adat Hindu, yang di-namakan Joint Family dalam keadaan Hindu, maka kita bawakan undang² itu di-dalam FLDA, saya hendak tahu-lah benda itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak ada adat Hindu masok ka-dalam hal ini (*Ketawa*). Tetapi, saya kata kalau peserta itu orang Islam, ikut-lah adat Islam achara yang membagi harta pusaka. Hanya-lah undang² yang di-buat oleh Dewan ini menentukan yang tanah itu tidak boleh hendak di-pechahkan atau di-bagi lebeh daripada sa-orang, kerana satu dasar kita yang mustahak dalam ranchangan tanah ini ia-lah hendak mengelakkan daripada tanah² yang di-beri itu di-pechah²kan supaya tidak timbul lagi masalaah yang ada di-kampung² sekarang ini ia-itu pendudok² di-kampung² mempunyai tanah yang sangat kechil luas-nya, yang tidak boleh memberi mereka itu pendapatan yang sempurna. Jadi, tujuan kita, ranchangan tanah ini ia-lah hendak memberi pendudok² yang masok ranchangan tanah ini, tanah chukup luas bagi mereka itu hendak mendapatkan mata pencharian yang sempurna saperti yang kita kehendaki.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah begitu kedudukan-nya, mengapa-kah pehak Kementerian kita tidak membuat penerangan, bukan sahaja sekadar hendak meluaskan, tetapi sa-kadar meng-hilangkan salah faham supaya tidak berbangkit perkara² tidak puas hati itu sa-bagaimana berlaku di-negeri Kedah, di-Alor Star, sa-hingga ada pehak peserta² di-dalam FLDA itu membuat satu meshuarat khas di-Padang Besar. Jadi, mengapa-kah pula pehak Kementerian ini tidak begitu chergas dalam memberi penerangan yang sa-macam itu?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah di-beri penerangan yang jelas pada mula² kita

mengadakan ranchangan ini dan telah di-beri keterangan yang jelas pada masa saya mengemukakan undang² Group Settlement Act kepada Dewan ini dan kalau ada lagi pehak yang tidak faham, kita boleh lagi beri keterangan, tetapi saya fikir banyak-lah keterangan² yang telah kita beri sebab undang² negeri ada pun dalam hal ini.

RANCHANGAN KHAS UNTUK ASKAR WATANIAH

3. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah apa ranchangan khas untuk Askar² Wataniah di-dalam bidang pembangunan luar bandar supaya membolehkan mereka memulakan penghidupan baharu dalam zaman sa-sudah konfrantasi, dan jika ada, sebutkan ranchangan itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada ranchangan² khas untuk Askar² Wataniah, tetapi Askar² Wataniah yang telah di-kerah bagi berkhidmat penoh, apabila di-berhentikan, ada-lah layak untuk di-layan saperti bekas² perajurit yang lain, atau ex-servicemen, ia-itu mereka itu adalah mempunyai peruntokan khas dan ranchangan² tanah Kerajaan. Dalam lapangan ini, pehak Menteri Pertahanan ada-lah bekerjasama dengan rapat dengan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Segala perajurit² yang berhenti itu ada-lah di-beri layanan dalam ranchangan² tanah, jika mereka itu kehendaki.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya gembira mendengar bahawa Kementerian Pertahanan dengan Kementerian Luar Bandar itu bekerja rapat dan saya perchaya-lah dua² Kementerian ini tidak menyerang, sebab-nya nampak-nya Menteri-nya satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tahu bagini. Dalam Meshuarat Belanjawan tahun 1965 dan begitu juga di-dalam kita membahath berkenaan dengan pembangunan (Development) negara kita pada tahun 1965, Kementerian kita, Kementerian Pertahanan telah membayangkan akan di-adakan

usaha² untuk memberi layanan kepada Tentera² Wataniah apabila mereka itu lepas berkhidmat. Jadi, saya hendak bertanya, ada-kah Kerajaan sedar bahawa kita mengambil orang² muda atau pun warga negara yang di-dalam umur bekerja, yang di-dalam working population saya katakan, dan orang itu di-beri short term dalam perkhidmatannya itu pun bukan short term betul mengikut istilah tetapi untuk maksud yang tertentu sa-mata². Jadi, apabila mereka itu tidak berkhidmat lagi, maka mereka itu akan menemui penganggoran. Sedang di-masa mereka itu di-dalam perkhidmatan pun tidak merupakan satu tenaga yang productive dari segi ekonomi. Jadi, ada-kah Kerajaan sedar perkara ini bahawa jika tidak di-buat satu ranchangan khas bagi mereka itu, kita akan menemui lebih banyak kesusahan lagi. Ada-kah Kerajaan sedar perkara itu?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar semua perkara², termasuk perkara yang di-sebutkan itu, sebab itu-lah sa-berapa juga banyak ahli² *ex-servicemen* yang berkehendakkan tempat² ranchangan tanah, kita sediakan, kalau mustahak di-adakan ranchangan yang lebih istimewa pun kita boleh adakan, tetapi lebih baik lagi pehak *ex-servicemen* di-tempatkan berhampor dengan peserta² yang lain. Kalau berkehendakkan menduduki ranchangan² tanah, kita akan timbangkan perkara itu. Tetapi berkenaan dengan pekerjaan² yang lain itu-lah sebab-nya pehak Kementerian Pertahanan telah mengadakan satu jabatan khas untuk hendak memberi pertolongan kepada bekas perajurit² yang berkehendakkan pekerjaan² atau pertolongan dalam lapangan yang lain, lain daripada ranchangan tanah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soal tambahan, yang terakhir. Memandang kepada betapa mustahak-nya masaalah itu di-selesaikan dan di-hadapi dengan chara yang lebih membena, ada-kah Kerajaan berchadang atau bersetuju supaya jawapan Menteri yang tidak berjabat itu di-penohkan untuk menyelesaikan masaalah ini dengan khusus kurang²-nya bagi tahun ini?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak mustahak, Menteri yang bertanggung-jawab sekarang ini boleh selesaikan perkara ini.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Soalan tambahan, boleh-kah Yang Berhormat Menteri Pertahanan memberi satu keterangan ada-kah Kerajaan sanggup untuk mengadakan latehan² teknik ia-itu seperti memperbaiki motokar, basikal, welding dan lain² lagi kepada perajurit² kita yang telah di-berhentikan daripada perkhidmatan mereka? Sebab saya pandang dengan jalan memberi tanah kepada mereka itu atau hutang kepada mereka ini tidak-lah dapat menjamin kehidupan mereka itu, tetapi sa-kira-nya kalau Kerajaan dapat membuat kelas² bagini yang dapat perajurit² ini belajar di-dalam kelas² itu, jadi apabila mereka itu keluar atau pun di-berhentikan daripada perkhidmatan negara, dapat-lah mereka itu menyambung balek pencharian penghidupan mereka itu dengan mendapat latehan² memperbaiki motokar dan lain² lagi, perkara itu saya fikir India telah mengadakan kelas² bagini bagi *volunteers* mereka itu yang telah berkhidmat kepada Kerajaan India. Saya fikir ini-lah satu polisi yang baik kalau sa-kira-nya dapat Kerajaan membuat dalam tanah ayer kita ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan dan Kementerian Pertahanan telah pun menjalankan latehan² ini kepada perajurit² yang tamat perkhidmatan-nya pada masa yang lalu ia-itu enam bulan—belum tamat perkhidmatan pada masa perajurit maseh lagi dalam perkhidmatan-nya dengan pehak tentera—di-adakan latehan dalam beberapa chara pekerjaan sa-lama enam bulan, tetapi sekarang ini di-sebabkan banyak perajurit² terpaksa berhenti daripada perkhidmatan tetap kerana tamat-nya konfrontasi ini-lah sebab masaaalah ini ada terbesar sedikit, jadi itu-lah sebab di-adakan Jabatan Khas untuk hendak menyelesaikan masaaalah ini dan apa juga latehan² yang di-kehendaki oleh perajurit² itu yang di-fikirkan munasabah Kerajaan akan jalankan, kerana Kerajaan ada-lah sa-benar² hendak memberi pertolongan kepada semua

perajurit² yang telah membuat perkhidmatan kepada negara supaya mereka itu dapat memulakan chara penghidupan yang baharu, yang sempurna bagi diri mereka itu.

KERJA PERANCHANGAN BANDAR

4. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (a) sa-takat mana-kah telah terchapai dalam kerja peranchangan bandar yang di-katakan telah siap pelan-nya sa-banyak 75 buah dalam tahun 1964; dan (b) apa-kah sebab² besar yang melambatkan pelaksanaan kerja itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak begitu jelas dan umum, saya tidak faham, apa ranchangan yang di-kehendaki atau pelan yang di-kehendaki ini. Jadi, sa-kira-nya pelan² yang di-sebutkan itu ada-lah berkaitan dengan pelan² kawasan² perkampongan atau villages di-dalam ranchangan tanah ini, pelan² ini semua telah di-siapkan, dan pelan² ini sedang di-gunakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah untuk mengadakan kawasan² kampong ranchangan² tanah, ini-lah sahaja pelan² yang ada dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tun Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, masaaalah pelan itu tidak-lah menjadi tujuan daripada pertanyaan ini. Pelan itu yang saya dapat tahu maklumat yang sampai kepada jabatan ini telah menyediakan pelan² itu, yang saya hendak tumpang tahu ini ada-kah pelan itu sudah di-laksanakan kerana maklumat yang sampai kepada saya banyak antara 75 itu tergendala. Ada pun pelan yang di-buat di-atas kertas itu, itu tukang pelan dia buat sudah chukup elok; itu saya pun tengok, tetapi adakah benda itu dapat di-laksanakan dan mengapa benda itu sampai sekarang tidak selesai pelaksanaan-nya di-kampong²?

Tun Haji Abdul Razak: Ini ranchangan² tanah ia-itu pelan² kampong bagi ranchangan tanah ada semua di-laksanakan. Pada hujung tahun yang

lalu kita ada 62 ranchangan² tanah semua-nya, tempat kediaman itu telah di-atorkan, bagitu juga tahun ini akan di-adakan lima lagi ranchangan tanah; itu pun pelan-nya sudah sedia, dan apabila ranchangan tanah ini di-buka, pelan itu akan di-laksanakan bagi tiap² ranchangan tanah. Saya tidak tahu apa pelan² yang lain daripada itu.

KURSUS TARIAN

5. **Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (a) ada-kah benar bahawa Kementerian-nya telah menganjorkan satu Kursus Tarian, dan jika benar, sebutkan tempat, tempoh dan bilangan peserta; dan (b) apa-kah jenis tarian yang di-ajar, sama ada ia termasuk tarian daripada semua kaum di-Malaysia.

The Assistant Minister of Culture, Youth and Sports (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjorkan satu Kursus Tarian untuk orang ramai bertempat di-Dewan Belia Kampong Pandan, Kuala Lumpur, mulai daripada bulan September, 1966, sa-lama tiga bulan. Bilangan peserta-nya ia-lah lebih kurang 50 orang terdiri daripada berbagai² kaum. Sementara itu juga Kementerian ada mengadakan Kursus² Tarian untuk kumpulan Belia Setia Negara bertempat di-Pusat Latehan Belia Kebangsaan, Pertak, Kuala Kubu Bahru. Pada tahun 1966 empat Kursus Tarian telah di-adakan, satu kursus ia-lah sa-lama tiga minggu dan bilangan peserta daripada kumpulan² belia yang telah mengikuti kursus² ini ia-lah sa-ramai 120 orang untuk tahun 1966.

(b) Tarian yang di-ajarkan ia-lah berbagai² seperti tarian bergaul, joget, inang, zapin, chinta sayang dan sa-bagai-nya.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, minta dengan kemurahan Kementerian yang berkenaan ini memberi tahu Dewan, ada-kah Kursus Tarian yang di-anjorkan oleh Kementerian ini akan di-lanjutkan atau di-buat pada masa² yang tertentu sahaja?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Di-anjorkan dari sa-masa ka-samasa.

Tuan Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, dari siapa-kah menjadi peserta kursus ini atau badan² mana? Boleh-kah Kementerian ini membenarkan Ahli Yang Berhormat daripada Bachok menyertai kursus ini supaya bertambah pengetahuan-nya lagi?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Kapada semua gulongan—tua, muda, laki² dan perempuan.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, boleh-kah Yang Berhormat Menteri Muda memberi keterangan kepada Rumah ini berapa-kah perbelanjaan yang telah di-belanjakan untuk mengadakan kursus ini?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Itu soal yang lain daripada soal ini. Ini berkehendakkan keterangan terlebih dahulu.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang): Sir, can the Honourable Assistant Minister inform this House whether modern cultural dances like the "A Go Go" the "Shakes" and "Monkey Twist" are included in these dance courses and, in view of the popular misconception that Members of Parliament, especially like Member for Bachok, are old-fashioned, sober and conservative, would the Honourable Assistant Minister consider initiating courses of these dances for the cultural improvement of Members of Parliament and their betterhalves? (*Laughter*).

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Bagi sementara ini di-utamakan tarian² pergaulan yang saya sebutkan tadi. Berkenaan tarian² seperti "shake", "go go", itu saya rasa dengan tidak payah di-ajarkan oleh pihak Kementerian, ada tempat² tertentu di-Kuala Lumpur ini yang boleh memberi pengajaran atau hiburan kepada semua pihak.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan. Sa-bagai sa-orang

yang peminat kepada kesenian asli, saya suka bertanya kepada Menteri Muda kita ini, dalam banyak² jenis tarian itu, tarian yang mana-kah yang menarek hati dan jiwa Menteri itu dan daripada kumpulan mana-kah tarian itu di-tunjokkan elok dan orang² daripada kawasan mana-kah dalam Malaysia ini yang dapat menunjokkan tarian itu yang elok.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir:
Tarian daripada seluroh Malaysia.

JURU LATEH KURSUS TARIAN

6. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (a) berapa bilangan juru lateh atas anjoran Kementerian di-Kursus itu; (b) sebutkan dari kumpulan wang mana-kah gaji juru² lateh itu di-bayar; dan (c) apa-kah galakan yang di-beri kepada peserta² sa-telah tamat kursus.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir:
Tuan Yang di-Pertua, juru lateh dalam kursus tarian anjoran Kementerian pada masa ini ada dua orang. Mereka bekerja dengan sa-chara sambilan. Di-samping itu juga ada beberapa orang juru lateh sukarela yang bekerjasama. (b) Gaji mereka di-bayar daripada peruntokan Pechahan-kepala 11 dan 12 ia-itu bayaran bagi juru lateh dan bantuan kepada badan² Belia sukarela. (c) Oleh kerana kursus ini pendek sa-chara sementara sahaja, peserta² chuma di-beri latehan tingkat permulaan sahaja. Mereka di-galakkan supaya mengajar rakan² mereka akan tarian² itu. Peserta² yang di-dapati mempunyai bakat yang tinggi ada-lah di-galakkan supaya mengambil bahagian dalam pertunjukan² dan mempelajari tarian² itu dengan lebeh mendalam lagi dengan mengajar pula di-tempat masing² bila mereka pulang.

BILL

THE SUPPLY (1967) BILL

Committee

The House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr (Deputy) Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Heads S. 14 and 15—

Engku Muhsein bin Abdul Kadir:
Tuan Pengerusi, saya mengusulkan, dengan izin tuan, supaya S. 14 dan S. 15 di-kemukakan sa-kali gus. Bagi S. 14, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan sa-banyak \$3,646,728 dan bagi S. 15, Muzium Negara sa-banyak \$422,121.

Jumlah sa-banyak \$3,646,728 yang di-kehendaki oleh Kementerian ini adalah untuk perkara² saperti berikut; ia-itu:

Gaji sa-banyak	...	...	\$1,293,309
Lain ² Perbelanjaan Berulang			
Tiap ² Tahun	...	...	2,338,829
dan Perbelanjaan Khas	...	...	14,490

Jumlah sa-banyak \$422,121 yang diminta bagi Muzium Negara ada-lah untuk perkara² saperti berikut:

Gaji	...	...	\$267,553
Lain ² Perbelanjaan Berulang			
Tiap ² Tahun	...	...	137,798
dan Perbelanjaan Khas	...	...	16,770

Peruntokan Kementerian ini bagi tahun 1967 menunjokkan kelebehan sa-banyak \$1,541,502 daripada peruntokan tahun 1966 sementara peruntokan bagi Muzium Negara ada-lah kurang sa-banyak \$9,721 daripada tahun 1966.

Kelebehan peruntokan bagi Kementerian ini untuk tahun 1967 yang banyak itu ada-lah di-sebabkan oleh dua perkara besar:

(i) Peruntokan Gaji dan Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun bagi Angkatan Belia Pelupor Negara. Untuk tahun 1966 ada-lah untuk sa-tengah tahun sahaja dan pada sa-tengah² perkara chuma untuk 8 bulan sahaja. Ini ia-lah kerana Angkatan Pelupor mula bergerak dalam bulan Julai, 1966 sedangkan bagi tahun ini peruntokan-nya ia-lah bagi keseluruhan tahun 1967 ini.

(ii) Peruntokan Gaji dan Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun bagi pejabat² di-perengkat Negeri

dan Daerah untuk tahun 1967 ada-lah untuk sa-tahun penoh tetapi bagi tahun 1966 yang lampau peruntokan itu ada-lah untuk 6 bulan sahaja ia-itu untuk membolehkan pejabat² itu menjalankan tugas-nya bagi sa-tengah tahun yang kedua tahun 1966.

Gaji

Bagi tahun 1966 peruntokan gaji ia-lah \$810,002. Bagi tahun 1967 jumlah peruntokan Gaji ia-lah \$1,293,309. Kelebehan sa-banyak \$483,307 ia-lah kerana pada tahun 1966 peruntokan bagi pejabat² di-perengkat Negeri dan Daerah ada-lah untuk 6 bulan sahaja ia-itu seperti ternyata pada Pechahan-kepala 1, Butiran² (10), (13) hingga (15), (18) hingga (24), (26), (31) hingga (33), dan (86) hingga (106). Bagi tahun 1967, peruntokan penoh ada-lah di-peruntokkan.

Kelebehan peruntokan bagi Angkatan Belia Pelupor Negara seperti terdapat pada Pechahan-kepala 1, Butiran² (68) hingga (85) ada-lah kerana sebab yang sama seperti yang saya sebut di-atas.

Kelebehan ini telah juga di-sebabkan oleh tambahan kakitangan seperti di-nyatakan pada Pechahan-kepala 1, Butiran² (30), (40), (90) hingga (100).

Bagi Muzium Negara, kekurangan sa-banyak \$17,316 ia-lah kerana jawatan Ketua Pegawai Bentok Bina-tang (Tambah Sementara) seperti ternyata pada Kepala S. 15 Pechahan-kepala 1 "Bahagian Kajihaiwan" telah di-potong kerana tidak di-kehendaki lagi. Juga, pada Pechahan-kepala 1, Butiran (3) jumlah-nya telah di-kurangkan daripada \$3,482 ka-jumlah syarat \$10.

Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun

Di-bawah Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun bagi Kementerian terdapat kelebehan sa-banyak \$1,091,650 daripada peruntokan 1966. Sebab kelebehan ini ia-lah kerana pada tahun 1966 peruntokan ada-lah untuk sa-tengah tahun sahaja ia-itu untuk Pejabat² di-

perengkat Negeri dan Daerah. Saperti ternyata pada Pechahan-kepala 3 hingga 5, bagi tahun 1967, peruntokan sa-penoh-nya telah di-buat.

Kelebehan ini telah juga di-sebabkan pertambahan di-satengah² pechahan-kepala dan juga pechahan-kepala yang baharu.

Kelebehan sa-banyak \$14,042 pada Pechahan-kepala 8 ada-lah di-sebabkan bertambah-nya pekerja² perusahaan dan buroh kasar dan peruntokan elaun khas dan elaun tambah kerja.

Pechahan-kepala 9, "Penyenggaraan Kawasan dan Rumah" menunjukkan kelebehan sa-banyak \$20,000 kerana kenaikan belanja makan pelateh² dan juga kerana Pusat Latehan ini akan memberi latehan kepada lebeh banyak lagi belia² dalam tahun 1967.

Pechahan-kepala 11, "Bayaran bagi Jurulateh" juga menunjukkan kelebehan sa-banyak \$16,500 kerana peruntokan bagi tahun sudah di-dapati tidak cukup dan terpaksa di-ambil dari pechahan-kepala lain.

Pechahan-kepala 19, "Perjalanan dan Pengangkutan" menunjukkan kelebehan sa-banyak \$12,000. Ini ia-lah kerana peruntokan tahun sudah ada-lah untuk 8 bulan sahaja dan pada tahun 1967 sa-ramai 1,200 pelateh lagi akan di-ambil. Kelebehan yang ternyata pada Pechahan²-kepala 22, 23 dan 24 masing² sa-banyak \$46,000, \$715,300 dan \$196,126 ada-lah kerana sebab² yang sama seperti yang tersebut di-atas.

Pechahan²-kepala 26 dan 27 masing² berjumlah \$5,945 dan \$7,800 ada-lah Pechahan²-kepala baharu. Ini ia-lah supaya membolehkan Angkatan Belia Pelupor Negara mengambil pekerja² perusahaan dan buroh kasar dan juga untuk menyediakan kemudahan dan memberikan latehan kepada peserta² untuk tahun 1967.

Bagi Muzium Negara, peruntokan Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun menunjukkan kelebehan sa-banyak \$5,336. Ini ia-lah untuk membolehkan Muzium mengambil dua orang pekerja perusahaan dan buroh kasar.

Perbelanjaan Khas

Peruntukan Perbelanjaan Khas untuk tahun 1967, jika di-bandingkan dengan tahun sudah, menunjukkan kekurangan sa-banyak \$33,455. Ini ada-lah kerana barang² saperti alat² kelengkapan pejabat dan kerusi meja terutama untuk pejabat² di-perengkat Negeri dan Daerah dan sa-buah Van bagi Kementerian telah pun di-bekalkan dalam peruntukan tahun 1966. Jumlah sa-banyak \$14,590 yang di-minta bagi tahun 1967 ia-lah untuk membeli alat² kelengkapan pejabat dan kerusi meja untuk kaki-tangan baharu dan juga untuk membeli buku² untuk Kutub-khanah.

Bagi Muzium Negara terdapat kelebihan sa-banyak \$2,259. Jumlah ini di-kehendaki ia-lah untuk menyediakan barang² pameran Kajihaiwan di-tingkat dua Muzium itu. Tuan Pengerusi, saya mengusulkan. Terima kaseh.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan, saya bangun menyokong Anggaran Kementerian ini dan saya masuk kamuka 150 Pechahan-kepala 7—Kemudahan dan Pengajaran Belia.

Tuan Pengerusi, Kemudahan dan Pengajaran Belia ini hendak-lah, apabila belia² telah lulus daripada Pusat Latehan Belia, pehak Kementerian menolong mengadakan belia² yang telah lulus ia-itu saperti perkakas² bagi mengadakan untuk, mithal-nya, hendak-lah Kementerian ini menolong mengadakan perkakas photography dan tidak-lah mereka itu bila balek ka-kampong tidak ada alat², sia²-lah sahaja pelajaran² yang ada kita beri kapada belia² kita itu. Jadi, mithal-nya, photography dan yang kedua-nya pertukangan, hari ini belia² kita bila balek saya tidak nampak-lah apa-kah satu daya-usaha belia² ini membuat sa-lepas menerima latehan itu. Kalau dalam anggaran ini tidak cukup, minta-lah Yang Berhormat Menteri menambah bagi mengadakan kemudahan² kapada belia² yang mendapat pelajaran itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, beraleh saya kapada muka 149, Kepala Kechil 12—Bantuan kapada Badan²

Belia Sukarela dan menggalakkan gerakan Belia. Tuan Pengerusi, dengan ada-nya Angkatan Belia Pelupor kita, maka apabila terjadi suatu malapetaka yang tidak di-sangka² saperti yang baharu² ini berlaku, maka dapat-lah kita menghantar gerakan angkatan belia kita ia-itu gerakan Belia Angkatan Pelupor menolong membantu memulehkan orang² yang mendapat kemalangan dengan sukarela-nya dengan arahan Pengarah atau salain daripada perkataan Merangkap Komandan. Jadi di-sini saya dengan sukachita-nya hendak mengatakan dalam Dewan yang mulia ia-itu memberi ucapan tahniah dan terima kaseh kapada Pasokan Tentera—Perajurit² kita dan Pasokan Sukarela² yang lain, dalam masa malapetaka tempoh hari, mereka² ini ada sa-tengah daripada-nya telah pun mengurbankan nyawa dengan sebab apa, tidak ada cukup tenaga bagi hendak membantu mereka² yang di-timpa malapetaka ini. Oleh itu saya menarek perhatian Dewan ini minta masa yang akan datang, entah belum tahu lagi-lah, ia-itu Kerajaan sedang hendak menjaga keadaan malapetaka negara kita, oleh itu saya harap kapada Kementerian supaya memberi daya-usaha untuk pemuda², belia² kita ini menolong sama dan bertanggung-jawab sama kapada mereka² yang di-timpa kemalangan malapetaka itu. Jadi, saya rasa ini-lah sahaja dan saya menyokong perbekalan ini, terima kaseh.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, sukachita saya berchakap sedikit di-dalam Anggaran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ini di-mana peruntukan bagi tahun ini lebih daripada tiga million.

Sa-belum daripada saya memasoki di-dalam butir²-nya dan pechahan²-kepala-nya, saya menyatakan keraguan saya, Tuan Pengerusi, tentang Kementerian ini. Saya sendiri tidak jelas dan saya perchaya ada daripada Ahli² Yang Berhormat kita yang lain belum jelas lagi tujuan dan maksud daripada Kementerian ini. Kalau-lah di-dalam bidang kebudayaan akan di-perkembangan dalam negeri ini, maka

jenis kebudayaan mana-kah dan contoh atau pattern mana-kah yang harus kita ikuti, pada hal perbelanjaan yang terlibat tahun ini lebih daripada tiga million, pada negara kita deficit-nya tidak kurang banyak-nya yang mana pada tahun² yang lalu kita terlampaui benchi negara² yang deficit di-dalam perbelanjaan-nya. Jadi, dalam soal inilah saya merasa ragu² di-dalam Kementerian ini dan di-dalam usaha² Kementerian ini sa-lanjut-nya. Saya bimbang, Tuan Pengerusi, sa-suatu yang terjadi di-dalam negara kita lebih bersipat politik daripada tujuan² yang asal. Boleh jadi pemuda² ini akan di-indoktrinasi (indoctrination) seperti mana chara indoktrinasi-nya Soekarno dengan Nasakum-nya dan lain² lagi dan perkara ini semua boleh jadi dalam Kementerian ini.

Saya masuk di-dalam peruntukan bagi Malaysia Barat dalam muka 145, Butiran No. (10), Pegawai Kebudayaan Negeri. Dahulu pegawai-nya ada 9 orang sekarang juga 9 orang, gaji bagi tahun 1966, \$46,602 tetapi pegawai ini juga bagi tahun 1967 banyak-nya sa-rupa berjumlah perbelanjaan-nya \$93,204. Nampak-nya kenaikan gaji ini atau pun kenaikan butir² ini lebih banyak daripada peruntukan Menteri² lain dan ini amat membimbangkan, tugas²-nya kita belum jelas, hendak indoktrinasi supaya menjadi ahli Perikatan semua pun kita tidak tahu, dan boleh jadi perkara ini dan telah ada kenyataan².

Butiran (14), Pegawai Kebudayaan Daerah—27 orang tahun dahulu bagi tahun ini pun 27, melambong naik daripada \$56,700 sampai \$139,440 hampir seratus ribu ringgit naik. Apa yang hendak di-buat, saya pun tidak tahu. Ini semua, Tuan Pengerusi, saya fikir bagi masa ini kita hendak-lah chermat sa-hingga pegawai² pun ada kita hendak potong gaji dan lain² lagi, di-sini pula naik yang melebihi daripada had dan kerja mereka—itu sa-benar-nya tidak bagitu banyak memberi hasil kepada negara.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Untuk penerangan supaya jangan terlajak lagi berulang². Sa-benar-nya

dalam waktu saya mengemukakan tadi saya beri tahu, ada beberapa butir yang pada tahun 1966 hanya di-untokkan bagi sa-lama 6 bulan. Jadi sebab itu-lah banyak butir² itu berlipat ganda kerana peruntukan bagi tahun 1967 untok sa-lama 12 bulan atau sa-tahun. Ini bukan tujuan saya hendak mengachau Yang Berhormat itu berchakap, tetapi supaya jangan berulang² lagi soalan itu dan tidak membangkitkan keraguan.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya sendiri pun tidak-lah membantah terlampaui banyak sangat menengok perbelanjaan di-sini tetapi mengingatkan keadaan negara kita dan mengingatkan hasil negara kita daripada apa yang telah di-peruntukkan di-sini. Sebab lebih baik perkara yang sa-demikian ini bagi masyarakat itu sendiri mengadakan usaha²-nya sendiri daripada yang banyak di-peruntukkan di-sini, sa-olah² Kerajaan memanjakan sangat kepada masyarakat, semua sa-suatu mahu di-atorkan oleh Kerajaan, benda yang seperti ini pun harus Kerajaan membuat-nya. Jadi itu-lah sebab-nya saya rasa perkara ini ada-lah amat membazir bagi negara kita yang mana tiap² tahun melapetaka dan deficit bertambah².

Bagi muka 146, Butiran (30)—Pelayan Pejabat. Tidak apa-lah Pelayan Pejabat daripada 3 orang tahun dahulu kemudian tahun ini 14, tetapi perbelanjaan-nya hampir \$12,032—bertambah. Jadi juga patut perkara ini kita fikir dengan yang sa-ekonomi²-nya, jangan terlampaui banyak sangat.

Masuk dalam masaalah Pusat Latehan Belia Kebangsaan di-Kuala Kubu Baharu, perbelanjaan, yang terlibat ialah \$97,253. Saya kurang jelas, Tuan Pengerusi, apa-kah Pusat Latehan Belia Kebangsaan di-Kuala Kubu Baharu ini merupakan satu kem atau pun merupakan satu Pusat yang latehan itu terus menerus ada di-sana dan kita tidak tahu apa-kah kerja-nya pemuda² kita yang akan di-buat di-Pusat itu. Jelas kita tidak tahu apa yang mereka buat dan kalau mereka menari, menari ini jenis apa, dan kalau menari itu menimbulkan satu kebaikan umpama-nya, negara kita

untong-nya apa? (AN HONOURABLE MEMBER: Banyak Ahli² menari). Boleh jadi apabila pandai² menari, orang expert dalam menari pegawai² cabaret panggil untuk bekerja, kemudian negara, apa untong? Tourism tidak berapa hendak ka-mari tempat kita ini, jadi sa-olah² Kerajaan membuat suatu benda yang kita tidak tahu ka-mana hendak pergi. Sa-patut-nya Kerajaan membuat satu investment dan Kerajaan juga akan beruntong satu perkara. Saya tahu semua yang ada dalam negara ada-lah untuk masharakat dan untuk kita semua tetapi biar-lah satu² benda itu sa-tidak²-nya mendekatkan kapada kebaikan negara daripada kebaikan yang persaorangan—erti-nya kepentingan negara dengan orang ramai. Jadi pernah pun ada sa-orang daripada pihak pemuda Persatuan Islam sa-Tanah Melayu dapat ikut serta di-Pusat Latehan Belia di-Kuala Kubu Baharu dan hasil yang kita dengar daripada beliau ini tidak ada apa²—berchakap, makan dan tidor—berchakap, makan dan tidor—lebih baik di-sediakan wang itu untuk benda² yang lain. Bukan kerana saya benchi kapada Kementerian ini atau Menteri yang berkenaan—tidak. Saya sangat suka dengan dia dan dia pun suka dengan saya, tetapi demi kepentingan bersama untuk kepentingan kita bersama.

Masok di-dalam Kem Belia di-Morib, saya dengar di-dalam surat² khabar, kita bacha di-dalam surat² khabar, kem yang ada di-Morib yang mana perbelanjaan-nya terlibat di-dalam Kementerian ini juga berpuloh² ribu, nampak-nya kem itu lebih bersifat kem Perikatan dan UMNO kerana Menteri² semua-nya pergi termasuk Menteri Penerangan dan Penyiaran pun bersharah panjang nampak lebih tekan kapada UMNO daripada kebangsaan-nya. Jadi, ini-lah satu perkara yang sulit, Tuan Pengerusi, kalau kita berchakap satu benda, dikatakan dia sudah membuat suatu perkara itu sudah betul. Umpama-nya, di-banggakan hari ini Kerajaan Pusat membuat satu benda—itu Kerajaan tidak menjadi masalah, betul mengikut dalam Perlembagaan, memang Kerajaan Pusat, tetapi suatu benda kalau di-sebut² sangat achap kali, Per-

ikatan, Perikatan, kita tahu sudah—itu satu tone yang sa-rupa sahaja. Tetapi di-dalam erti Undang², di-dalam erti peratoran, dalam erti etiquette-nya, kalau di-katakan Kerajaan Pusat itu kita tahu Kerajaan Perikatan, tetapi menggunakan perikatan itu menjadikan satu masaalah, baik di-dalam radio, baik di-dalam kem di-gunakan Perikatan. Kalau orang lain naik, kalau sosialis naik umpama-nya kalau P.P.R. berkuasa nanti, dia juga buat sa-bagitu pula. Jadi kachau-lah negara ini, akan lebih chepat-lah perbalahan kerana sifat politik yang ada di-dalam masharakat itu bekerja untuk kepentingan politik tertentu.

Kita mengharapkan, Tuan Pengerusi, dalam soal ini kita berjimat sedikit wang kita. Patut-lah pihak Kementerian ini dapat mengendalikan dalam usaha²-nya mendidek belia dan lain² lagi tidak menjadikan kepentingan Perikatan dan Kerajaan yang memerintah hari ini, tetapi untuk kepentingan semua dan tiap² tahun di-sampaikan laporan-nya kapada Dewan ini untuk kita kaji di-dalam segala bidang dan patut-lah juga Kerajaan mengambil perhatian sakira-nya perkara itu tidak baik, kita hapuskan sahaja Kementerian ini dan kita membuat hanya bantuan² atau pun peruntokan² khas bagi badan² bebas dalam masharakat kita untuk memupokkan lagi semangat kebudayaan dan lain²-nya. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menyentuh beberapa perkara sahaja di-dalam Kementerian ini, terutama-nya saya menguchapkan shabas kapada Kementerian ini sendiri oleh kerana pada sa-masa kebelakangan ini Kementerian ini telah dapat mengeluarkan satu majallah yang di-namakan majallah PEMIMPIN yang tujuan maksud-nya ia-lah memberi pimpinan kapada belia² kita daripada bandar sampai-lah ka-kampong². Kalau kita perhatikan di-dalam majallah PEMIMPIN yang di-keluarkan oleh Kementerian ini, kita nampak gambaran yang jelas ia-itu tujuan mana-kah arah daripada Kementerian ini hendak membawa pemuda² dan belia² kita di-dalam

negara kita yang merdeka ini dan apakala kita melihat tujuan² dan maksud² daripada hendak menghidupkan semangat belia dan semangat mahu bekerja serta berdiri di-atas kaki sendiri, sabagai pemuda harapan negara pada masa hadapan, maka saya pandang Kementerian ini merupakan satu Kementerian yang paling penting sa-kali, sa-kali pun ada di-antara Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini tidak faham ka-mana hendak di-bawa oleh Menteri ini dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, di-antara perbelanjaan² yang nampak oleh kita pada tahun² yang sudah, saya pernah mendengar rungutan² daripada Kementerian ini tentang kurang-nya peruntokan yang diberikan kepada Kementerian ini bagi menjalankan kerja-nya dan bagi melaksanakan chita² dan maksud daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, tetapi saya bershukor kerana pada tahun ini kita nampak beberapa tambahan² yang bermaksud supaya dengan tambahan² kewangan itu akan dapat menjalankan kerja² yang lebih pesat daripada yang sudah².

Ada dua Pusat yang kita nampak sekarang ini bagi belia² ia-itu di-Ulu Langat (Dusun Tua) dan di-Kuala Kubu Baharu. Kedua² Pusat ini tentu-lah berlainan chara²-nya tetapi saya nampak dan saya perhatikan bahawa Pusat Latehan yang ada di-Ulu Langat, Dusun Tua, itu merupakan suatu Pusat yang benar² mengikut kehendak zaman kita sekarang ini menyediakan pemuda² kita bagi bergerak lebih sempurna dan sanggup bekerja bagi faedah diri dan masyarakat-nya pada masa yang akan datang. Kelemahan pemuda² kita pada masa yang telah sudah, yang pertama sa-kali ia-lah oleh kerana pelajaran mereka itu tidak begitu tinggi dan kemudian kemahuan-nya pun tidak begitu kuat. Dengan ada-nya latehan yang seperti itu—latehan belia yang kita adakan di-Dusun Tua ini merupakan suatu tenaga yang boleh menghidupkan semangat bekerja dan semangat mahu berdiri di-atas kaki sendiri, maka kerana itu-lah saya berikan tahniah saya kepada Menteri yang berkenaan, yang sunggoh² bekerja bagi faedah pemuda² kita di-masa hadapan.

Dalam pada itu pun Kementerian ini nampak-nya tidak meninggalkan juga bantuan kepada badan² belia yang berbentuk sukarela di-kampong² atau di-negeri² yang berjumlah kira² \$190,000 peruntokan-nya.

Saya mengharapkan supaya wang yang akan di-berikan kepada badan² belia ini akan dapat pula di-berikan kepada mereka itu petunjok² serta panduan² melalui Majallah PEMIMPIN yang di-keluarkan oleh Kementerian ini supaya pemuda² kita itu dapat membelanjakan wang yang di-peruntokkan untuk faedah mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang saya nampak di-dalam Kementerian ini yang saya rasa patut di-ambil perhatian tentang kebudayaan kita. Pada satu masa dahulu, pernah orang menulis tentang Malaysia ini, ia-itu orang² wanita-nya, kata-nya baju-nya chantek², kain-nya chantek², tetapi bila berjalan kaki ayam. Manakala orang Amerika ini membuat ulasan seperti itu, kita naik marah di-negeri kita ini—naik meradang, sa-hingga kita katakan bahawa mereka itu tidak tahu 'adat mereka itu sendiri. Tetapi apakala kita perhatikan kebudayaan yang di-laksanakan dalam negeri ini, sama ada merupakan tarian² yang datang dari daerah² dari Trengganu, dari negeri PAS negeri Kelantan, yang tidak kurang kegiatan negeri itu di-dalam soal kebudayaan ini. Bila kita perhatikan baju-nya chantek² dan kain-nya pun moden², tetapi malang-nya tidak memakai sepatu, tidak memakai kasut. Jadi, agak-nya, orang² yang datang dari luar negeri ini, bila dia tengok bentok kebudayaan itu, dan dia tulis-lah dalam surat khabar-nya masing², kata-nya orang Malaysia ini sudah pandai-lah pakai baju lawa, pakai kain lawa, pakai selendang chantek, tetapi berjalan ta' pakai sepatu. Sebab, di-tengok-nya waktu perayaan², atau pun kebudayaan² itu di-tunjukkan.

Mungkin agak-nya Menteri yang berkenaan akan berkata bahawa ini ada-lah menyulitkan kepada anggota² kebudayaan kita itu hendak memakai sepatu, kerana ini bertentangan dengan apa yang berlaku pada kurun² yang telah

lalu. Kalau macham itu, Tuan Pengerusi, saya rasa ada perkara yang ta' sesuai dengan masa² yang telah lalu, mithal-nya, kalau orang dahulu dia tidak pernah memakai rambut pendek, dia memakai tochang, pakai rambut panjang, dan sekarang, hari ini pakai rambut pendek—itu juga tidak ber-sesuaian. Jadi, lebeh baik dapat perubahan di-dalam kebudayaan kita ini, jangan-lah kebudayaan itu meng-gambarkan kekaboran kepada masharakat kita di-Malaysia ini. Saya rasa, perkara yang saperti ini patut di-ambil perhatian.

Saya terdengar tadi daripada sahabat saya dari Tanah Merah yang menyatakan bahawa dia merasa ragu tentang bentok kebudayaan apa-kah yang kita amalkan di-dalam negeri ini. Kita, kalau menengok bahawa kebudayaan yang ada dalam negeri ini nampak-nya macham², terutama sa-kali kebudayaan yang agak kaya sedikit di-antara negeri² kita di-Malaysia ini, ia-itu di-negeri Kelantan. Negeri Kelantan ada waktu pertunjukan² di-Raja mithal-nya, ada tarian naga, ada tarian berhala tujuh yang mirip²-nya sa-rupa dengan tarian² daripada negeri Thailand yang berunsorkan kebudayaan² agama Bud-dha. Jadi, saya rasa, sa-patut-nya Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah chuba mempengaruhi Kerajaan Negeri Kelantan itu supaya tarian² yang berbentok ugama yang bertentangan dengan jiwa orang yang menjadi ahli kebudayaan itu di-hapuskan—ma'ana-nya negeri Kelantan harus-lah berikhtiar supaya tarian² berhala tujuh, berhala empat-belas, berhala empat-puluh lima, berapa-kah lagi, patut di-hanchorkan supaya dia dapat memberikan gambaran apa-kah kebudayaan yang di-amalkan dalam negeri Kelantan itu sendiri. Dan dia tidak perlu menyatakan keraguan bentok kebudayaan yang ada di-Malaysia ini. Sebab, saya rasa, kalau kebudayaan bagi negeri Perak mithal-nya, tidak ada sa-suatu yang boleh di-banggakan—kalau kita kata mithal-nya negeri Melaka kebudayaan nya boleh-lah di-katakan macham ronggeng. Tetapi, yang terkaya dalam negeri kita ini nampak negeri Kelantan, tetapi negeri Kelantan itu

ada mak yong—saya pun ta' berapa erti juga—ada manura, ada putri-kah, apa-kah nama-nya, zikir barat

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Pengerusi, bukan-lah di-dalam erti di-Kelantan atau di-mana, baik dalam segi mana sahaja, asalkan di-katakan kebudayaan, terlampau luas perkara itu, tetapi yang saya mahu, satu bentok mana yang patut kita ikut. Bukan di-segi ugama-nya, bukan di-segi apa²-nya; kalau di-segi ugama pun, kami orang PAS ini sudah ta' jadi—to' guru pun tuan² sudah sanggup tangkap, tuan² sendiri sabagai pemimpin banyak yang melanggar perkara² itu. Tetapi, yang menjadi masaalah-nya, apa-kah bentok yang harus kita ikuti, dalam erti perchakapan itu “umum”, pengertian dalam erti umum, tidak-lah dalam erti khusus. Yang saya maksudkan, supaya biar saya kenal, umpamanya ada yang pergi ka-luar negeri atau pun tuan² pergi ka-luar negeri, boleh menunjok ini-lah bentok kebudayaan saya yang *specific*, yang di-anuti meng-ikut sejarah kami dan kebudayaan kami—itu sahaja yang saya mahu; bukan maksud hendak timbulkan Kelantan, Perak, tidak timbul di-situ.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya mengerti tentang ini, tetapi apa yang saya katakan bahawa dalam negeri kita ini, sa-lain daripada Sabah dan Sarawak juga mempunyai kebudayaan yang tersendiri. Maka dalam negeri² di-Tanah Melayu ini yang mempunyai kebudayaan yang agong yang boleh kita banggakan, ia-itu di-negeri Kelantan sa-bahagian besar-nya, dan ada juga di-negeri Kedah dan Perlis. Tetapi kebudayaan² itu lebeh banyak dan lebeh mirip merupakan satu ilham daripada peng-anutan sa-suatu keperchayaan. Kalau ini, kebudayaan ini merupakan satu gambaran daripada jiwa masharakat itu sendiri. Jadi, kalau di-negeri Kelantan mithal-nya, di-galakkan soal dan di-benarkan soal tarian berhala tujuh; ini merupakan bentok masharakat di-negeri Kelantan itu sendiri, ia-itu masharakat-nya masharakat kebuddhaan.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, boleh saya berchakap?

Mr Chairman: Boleh.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, di-mana Yang Berhormat ini tahu ada tarian di-Kelantan itu tarian kepala tujuh—ta'ada tarian kepala tujuh dan ta'ada tarian naga bagi orang Melayu Kelantan ta' ada tarian itu. Harap ma'alum. Saya faham Yang Berhormat Menteri Kebudayaan ini pun lebeh faham masaaalah tarian² dan kebudayaan ini—tidak ada tarian Melayu Kelantan itu yang bernama tarian naga dan tarian kepala tujuh. Jadi, kalau kita hendak berchakap dalam masaaalah itu, biar-lah kita erti—kalau ta'erti, dudok diam² (*Ketawa*).

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Ini tarian Melayu, bukan tarian Kabul (*Ketawa*). Jadi, oleh kerana itu, orang Kabul lebeh ta' tahu kapada tarian ini. Jadi, Tuan Pengerusi, saya ini sabagai orang Melayu, saya tahu apa yang mereka sebutkan di-negeri Kelantan itu sa-bagai tarian² berhala tujuh yang berbentok ugama. Bukan nama yang kita maksudkan itu—orang² Kabul ta' berapa erti tentang kebudayaan ini, Tuan Pengerusi. Jadi, oleh kita sekarang ini hendak

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Untuk penjelasan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Kita hendak menerangkan bentok. Apa-kah bentok kebudayaan kita. Sekarang kita sedang di-dalam perjalanan hendak membentok kebudayaan Malaysia kita ini sesuai dengan keperibadian bangsa Malaysia sendiri. Tetapi, dengan melemparkan kapada Menteri ini sahaja bahawa negara kita ada kebudayaan atau negara kita ini mempunyai kebudayaan yang kabor² sa-hingga dia tidak faham. Maka ini sangat-lah mendukachitakan kita, oleh kerana satu daripada unsor kebudayaan yang kita hendak pelihara, yang hendak kita galakkan itu ia-lah kebudayaan yang datang-nya daripada negeri Kelantan sendiri. Itu yang saya

katakan tadi supaya dapat di-fahamkan perkara yang saperti itu. Kalau gambaran tarian yang berbentok ugama, yang ada ilham ugama di-negeri Kelantan itu bertentangan dengan kebudayaan kita, apa salah-nya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu membawa satu kebudayaan dari Kabul untok membetulkan kebudayaan-nya di-negeri Kelantan itu, lebeh sesuai mithal-nya dengan kita atau dengan orang yang ada di-negeri Kelantan, supaya image atau bentok kebudayaan yang kita kehendaki itu dapat di-terima oleh ra'ayat negeri ini sendiri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Boleh saya berchakap?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Saya bukan Pengerusi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, ada-kah bererti bahawa dalam hendak menentukan gambaran kebudayaan ini kita pusatkan kapada kejiwaan, terutama dari segi ugama, maka di-negeri Perak di-adakan satu To' Pekong nama To' Pekong itu Sheikh Abdullah. Ada-kah nama itu di-masokkan di-dalam perkara ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, di-Perak, waktu Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu menu-doh ada satu to' pekong yang bernama to' Pekong Sheikh Abdullah di-Perak pada tahun sudah, pada waktu itu juga saya pergi talipon tanya kapada Ketua Pegawai Daerah Jajahan Batang Padang, menanyakan benar atau tidak tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Bachok, ada To' Pekong yang bernama Sheikh Abdullah.

Saya rasa Pegawai Daerah lebeh tahu tentang Jajahan Batang Padang itu dan dia menjawab tidak ada. Jadi, nyata-lah bahawa apa yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok ini satu benda yang palsu, yang bohong sa-mata² yang dia tidak menyelideki. Sa-bagai sa-orang Islam, ia—harus menyelidek kalau ada sa-suatu itu timbul. Jadi, ini tidak-lah saya hendak menjawab soalan dia itu, sebab saya ini hendak menerangkan bahawa kebudayaan yang di-maksudkan-nya tadi itu, bagi faham

saya, sebab faham kebudayaan ini terlalu luas. Dia masok fahaman agama. Kalau ta' masok faham agama, kebudayaan ini tidak berjiwa. Jadi, sekarang ini, Tuan Pengerusi, saya berharap supaya kebudayaan² yang berbentuk agama, terutama sa-kali negeri Kelantan, kita hendak menengok chontoh Kerajaan Negeri Kelantan menghapuskan semua kebudayaan² yang di-anggap kebudayaan, mithal-nya Puteri, mithal-nya yang macham hantu masok hantu, kemudian dia mencheritakan ubat, kalau ada orang sakit minta ubat pada orang itu. Itu berlaku dalam negeri Kelantan dan kalau ini di-namakan kebudayaan ini di-amalkan dalam negeri Kelantan, patut Kerajaan Negeri Kelantan, hapuskan supaya kebudayaan kita ini biar-lah berseih daripada shirik, mithal-nya.

Apa yang saya hendak menarek perhatian kapada Menteri ini lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu berkenaan dengan sokan dalam negeri kita ini. Sokan dalam negeri kita ini sudah mendapat tempat yang baik, tetapi saya harap kapada Menteri yang berkenaan supaya pemuda² atau belia² kita yang sedang di-lateh di-Pusat² Latehan itu dapat juga melahirkan bakat² daripada ahli² sokan kita yang terkemuka pada masa² yang akan datang. Dengan latehan² yang saperti itu, kita rasa akan dapat-lah pemuda² kita itu melayakkan diri mereka masing².

Ada satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kem Belia di-Morib yang mengikut tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah di-gunakan oleh Perikatan. Sa-benarnya pemuda Perikatan, sa-tahu saya, tidak pernah dan pada masa yang akhir ini tidak menggunakan kem ini untuk nama Perikatan—Pemuda Perikatan, dan tuduhan mengatakan dia itu di-gunakan oleh Pemuda Perikatan, satu tuduhan, atau pun Pemuda UMNO ini satu tuduhan yang palsu, yang tidak berasas. Bila dia ka-Morib, pemuda² kita adakan kursus di-Morib, di-katakan-lah di-Kem Morib. Kita boleh gunakan macham ahli Singapura menggunakan tempat² itu, Kerajaan Singa-

pura menggunakan tempat itu—boleh, sebab dia orang PAS pula menggunakan tempat² agama itu untuk politik dia boleh kita gunakan, tetapi kita tidak mahu menggunakan itu. Kita tidak mahu hendak menggunakan tempat² yang saperti itu, sebab kita tahu tempat kepunyaan orang ramai dan UMNO ia-lah satu parti politik yang dia boleh kadang² dia buat khemah kerja-nya itu di-tepi² kampung, atau di-dalam tanah² lapang yang berhampiran dengan kampung buat khemah—tidak menggunakan bangunan² Kerajaan saperti yang di-tudoh oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah. Di-mana dia dapat tahu ini, saya tidak tahu-lah.

Satu lagi perkara tidak-lah patut perkara yang saperti ini di-ragukan, atau pun di-bangkit²kan begitu berulang² sangat sa-hingga kebencian kapada Kerajaan Perikatan ini, walau pun tidak di-sebut Kerajaan Perikatan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah yang mengatakan memang-lah orang tahu Kerajaan Perikatan, samalah saperti di-Kelantan, kalau orang ta' kata pun Kerajaan PAS orang tahu Kerajaan PAS, tetapi Kerajaan di-Kelantan suka juga mengeluarkan Kerajaan PAS sa-hingga dia ada mengeluarkan majallah, majallah yang betul² kerana parti, tidak kerana Kerajaan—kerana parti sa-mata², tetapi kita tidak mahu hendak chakap, sebab itu dia punya peluang, dia gasak dan kita punya peluang kita buat, asal kita jangan merugikan ra'ayat dan negara di-dalam negeri ini.

Itu-lah, Tuan Pengerusi, ulasan² saya berkenaan dengan Kementerian ini dan sa-kali lagi saya minta supaya Menteri ini dapat membuat bentuk yang agak menarek kapada Majallah PEMIMPIN dan buat-lah rupa dan bentuk isi kandungan yang ada dalam PEMIMPIN ini dapat di-pelajari dan di-jadikan pemimpin² oleh belia² kita.

Mr Chairman: Meshuarat ini di-tangguhkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 11 a.m.

Sitting resumed at 11.15 a.m.

THE SUPPLY (1967) BILL

Committee

The House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair).

SCHEDULE

Heads S. 14 and S. 15—

Debate resumed.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, saya harap Kementerian ini dapat di-habiskan pada pukul 12 tengah hari ini dan pada petang-nya dapat di-bahathkan Kementerian² yang lain. Ini dalam masa yang singkat, saya minta-lah sa-berapa rengkas supaya dapat Menteri yang berkenaan menjawab dalam 15 minit.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi,

Mr Chairman: Tolong rengkaskan ya!

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Dengan sa-berapa rengkas-nya saya, dengan izin Tuan, menurut sama dalam perbahathan berkenaan dengan S. 14.

Tuan Pengerusi, saya bukan pada tahun ini tetapi pada tahun sudah pun saya memuji Kementerian ini dan bukan sahaja Kementerian malah orang² yang bertanggung-jawab dalam Kementerian ini pun saya sanjong tinggi, tetapi saya dukachita pada tahun ini, ada dua perkara, yang pertama, maseh lagi belum di-adakn Menteri yang penoh yang berasingan, yang bertanggung-jawab bagi Kementerian ini. Kalau kita dapat mengadakan *token* sa-banyak \$10 untuk Menteri penoh itu saya lagi sa-kali menchadangkan supaya bereket nombor² itu di-naikkan kapada bereket nombor 1 ia-itu Menteri Muda kita sekarang ini di-jadikan Menteri yang penoh, memandangkan betapa penting-nya Kementerian ini dalam tugas negara.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya *condemn* sa-keras²-nya chara perbelan-

jaan Kementerian ini pada tahun ini, ia-itu kita telah lebeh daripada tahun sudah sa-banyak \$1,541,000 hampir² 50% perbelanjaan-nya berbanding dengan pada tahun yang sudah. Tuan Pengerusi, saya tidak dapat hendak mengulas perkara yang kechil kerana apa yang di-buat itu memang muna-sabah, tetapi saya suka menarek perhatian Kerajaan lebeh baik Kementerian Kebudayaan ini di-beri kapada sa-orang Menteri yang penoh dan usaha² ini di-serahkan kebanyakan-nya kapada private sector tidak oleh Kerajaan, dengan demikian perbelanjaan yang banyak ini dapat-lah kita selamatkan bagi kerja² yang lebeh membena dari segi ekonomi-nya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengishtiarkan bahawa pada tahun ini kita terpaksa menjimatkan wang untuk perbelanjaan kita, kalau Menteri Kewangan sendiri sudah mengishtiarkan begitu maka projek² yang merupakan projek produktif sahaja-lah yang patut kita utamakan dan patut kita lebehkan perbelanjaan-nya. Tetapi, Kementerian ini, yang ada sekarang ini, mengikut perbelanjaan yang di-untokkan sekarang ini kerja² itu hanya dapat memberi satu jenis service untuk memuaskan kehendak jiwa Malaysia, tetapi tidak menghasilkan, tidak produktif, kalau begitu, dalam keadaan—ma'af Tuan Pengerusi, dalam keadaan kita hendak membena sekarang, kerja² yang merupakan kerja² boleh melahirkan service sa-mata² tidak produktif tidak-lah bijak di-tambah perbelanjaan sampai sekarang.

Maka kesimpulan saya, saya pada tahun ini-lah dengan tegas-nya condemn chara² perbelanjaan Kementerian ini dengan sebab perbelanjaan ini sudah bertambah begitu banyak dan di-belanjakan kapada perkara² yang hanya menimbulkan service, pada hal perkara itu boleh di-lakukan oleh private sector di-bawah arahan Kementerian kita. Dan benda yang di-belanjakan ini tidak merupakan projek yang productive. Maka amat-lah bodoh bagi sa-sabuah Kerajaan melipat gandakan perbelanjaan-nya kapada projek² yang melahirkan service sa-mata² tetapi tidak

melahirkan keuntungan dari segi ekonomi, tidak productive. Tuan Pengerusi, kesimpulan-nya, saya mengakui bahawa dalam tiap² negara bukan semua projek itu mesti productive. Ada juga kerja² yang kita hendak bagi service untuk welfare masyarakat. Saya bersetuju di-situ. Jikalau tidak, macham masjid, mithal-nya, dia tentu tidak productive, dia tidak boleh buat apa², kadang²-nya rumah² ibadat pada satu segi yang tertentu menyebabkan manusia malas sahaja. Tetapi perkara² yang itu mustahak. Jadi, kesimpulan-nya saya menhadangkan kepada Kerajaan (a) Menteri Muda di-naikkan menjadi Menteri penoh.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, kalau mereka yang beribadat itu manusia malas, bagaimana ta'arif-nya?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya berchakap dari segi ekonomi, tidak dari segi hukum, mengatakan bahawa sa-tengah² tempat ibadat itu pada satu segi yang tertentu menyebabkan orang malas. Bukan saya kata Masjid Islam tempat ibadat. Jadi, saya tidak berchakap dari segi hukum. Saya rasa kalau hendak lawan dari segi hukum ahli itu tidak tahan dengan saya (*Ketawa*).

Jadi, orang berchakap dari segi ekonomi, dia masok dari segi hukum. Jadi, tidak dapat membezakan. Jadi, itu chadangan saya. Yang pertama, Menteri Muda ini di-naikkan menjadi Menteri penoh dan yang kedua, usaha² ini kebanyakan-nya di-serahkan kepada private sector, dan yang ketiga, hendaklah Kerajaan kita berhenti daripada kerja² yang menunjokkan bodoh-nya dalam zaman pembangunan membelanjakan kepada projek² yang ada melahirkan service tidak productive.

Tuan Lee Seck Fun (Tanjong Malim): Mr Chairman, Sir, I rise to support the amount asked for by the Honourable Minister for Culture, Youth and Sports. However, I wish to seek some aid from him under Supply Head 14, page 149, Sub-heads 12, 13, 15 and 16—Aid to Voluntary Youth Organisations and promotion of Youth activities,

Aid to Sports Organisations and Promotion of Sports, Aid to Cultural Bodies and Promotion of Culture, and Aid to Boy Scouts and Girl Guide Associations. As I have asked for last year, I am asking again now for aid from this Ministry for organisations of this sort in my area. From what I can see, year to year, large sums have been granted to all these voluntary organisations, but most of these funds go to the big towns and cities. Actually, this amount should be utilised for small towns, villages and the rural areas also, because many of the voluntary youth organisations and youth activities in the kampongs and the new villages are unable to function well due to shortage of funds, and it is very difficult also to raise funds in small areas, like the new villages and the kampongs. Further, the same is the case with sports organisations, and there are very many who would like to promote sports in small areas; so if the Minister is kind enough this time to allocate funds for some of these sports organisations and clubs in my Constituency, I am sure we will be able to produce a few sportsmen which will show that it is worthwhile to consider funds for these organisations in the smaller towns. I am also sure, that quite many good sportsmen are available in smaller towns. The only trouble is the problem of finance to train them, and if the Minister will look into this, I am sure at least one will represent Malaysia either in badminton, football or sepak raga. So, this is my hope, and the Minister will consider this suggestion.

Then, there is the case of aid to Boy Scouts and Girl Guides Associations, too. In the recent First Malaysian Jamboree in Penang, many of the Scouts in my area were eligible and were interested to attend the Jamboree but unfortunately not one of them was considered because no funds were available and only those who can afford went.

So, I have taken this opportunity to say a few words on this matter of funds for organisation in small areas and I hope, if not all the aids are considered, at least one of the aids will be considered.

Tuan Haji Hamzah bin Alang (Kampar): Tuan Pengerusi, saya hanya hendak berchakap sedikit sahaja. Saya suka hendak menarek perhatian Ahli Yang Berhormat daripada Tanah Merah yang menyatakan dalam Dewan ini bahawa beliau telah menudoh Pemuda UMNO telah menggunakan Camp Belia di-Morib itu sa-bagai tempat practice atau sa-bagai tempat menggunakan untuk kepentingan² Pergerakan Pemuda UMNO di-Morib itu. Saya berpendapat bahawa perkataan atau kenyataan yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Tanah Merah itu ada-lah salah dan tidak kena mengena dengan apa yang di-buat oleh Pergerakan Pemuda UMNO pada 5 hari-bulan Disember hingga 9 hari-bulan Disember tahun 1966 yang sudah kalau itu yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya men-chabar Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah itu membuat kenyataan yang sa-rupa ini di-luar Dewan ini dan saya sa-bagai Ahli Jawatan-kuasa atau Ahli Pergerakan Pemuda UMNO akan mengambil langkah jika Ahli Yang Berhormat itu suka hendak membuat atau mengulangkan kenyataan-nya di-luar daripada Dewan ini. Kerana apa, sa-tahu saya bahawa Kemah Kerja yang di-buat di-Morib yang di-adakan pada 5hb hingga 9hb Disember tahun 1966 itu ada-lah dengan perbelanjaan Pergerakan Pemuda UMNO sendiri dan dengan tenaga Pergerakan Pemuda UMNO sendiri tidak ada sa-orang pun kakitangan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ini bersama menganjorkan dalam Kemah Kerja itu. Oleh yang demikian saya berasa sangat tersenggong. Jika sa-kira-nya kenyataan-nya itu dapat di-ulang oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah di-luar daripada Dewan ini kita suka mendengar perkara itu di-bawa ka-tengah.

Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): (*rises*).

Mr Chairman: Berapa minit di-anggarakan, sebab saya hendak beri peluang kepada Menteri menjawab.

Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus: Saya hendak berchakap atas satu perkara

sahaja. Tuan Pengerusi, saya bangun memberi sokongan penoh di-atas Anggaran Belanjawan yang di-untokkan bagi Kementerian ini dan saya menyokong di-atas chadangan atau pun shor daripada wakil Bachok supaya di-adakan Menteri penoh dalam Kementerian ini, kerana di-pandang kerja² belia dan sokan ini, Tuan Pengerusi, sa-makin bertambah dan sa-makin banyak maka patut-lah di-adakan sa-orang Menteri semata² untuk Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak chakap di-sini ia-lah di-dalam muka 149—Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun ia-itu Pechahan-kepala 6—Sewa Pejabat. Tuan Pengerusi, di-dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah meminta supaya kita menjimatkan wang² perbelanjaan di-dalam serba perbelanjaan dan kalau boleh dapat di-jimatkan. Jadi, apa yang saya dapati ini, Tuan Pengerusi, ia-lah Sewa Pejabat ia-itu \$79,200 sa-tahun jatuh pada sa-bulan \$6,600. Jadi dalam tahun lepas hanya \$75,000 sahaja. Jadi ini-lah yang saya hendak chakap supaya Yang Berhormat Menteri ini dapat berfikir dengan panjang kerana Kementerian ini bukan-lah di-dalam sa-bulan atau sa-tahun. Maka dengan kita menyewa rumah² di-jadikan pejabat ini terpaksa-lah memakan belanja yang banyak. Jadi, saya minta-lah kepada Kementerian ini supaya di-benakan sa-buah pejabat yang asing mudah²an lepas daripada kita membayar sewa yang bagini banyak. Maka ini-lah saya harap sangat mudah²an dengan kita dapat membena sa-buah pejabat walau pun, Tuan Pengerusi, saya perchaya ia-itu tentu-lah memakan belanja yang banyak tetapi kalau kita kirakan dengan masa-nya yang panjang, saya yakin tentu-lah kita dapat keuntungan yang lebeh besar lagi dan dapat menjimatkan lagi wang dalam perbelanjaan kita. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): *rises*.

Mr Chairman: How many minutes are you going to take to make your speech?

Dr Tan Chee Khoon: Five to ten minutes.

Mr Chairman: I will allow you five minutes.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I just want to touch on one item and that is Sub-head 13, Aid to Sports Organisations and Promotion of Sports on page 149. In 1966 the provision was \$160,000 and in 1967 also it is \$160,000. Mr Chairman, Sir, I have here the Written Answers to the questions that I have asked I have asked the Minister of Culture, Youth and Sports about financial aid given to the Malayan Schools Sports Council and the answer given is as follows:

- (a) in 1964—Nil;
- (b) in 1965—\$20,000;
- (c) 1966—\$15,000.

Mr Chairman, Sir, if I am not mistaken, in 1965 I made an adjournment speech asking the Minister—at that time it was the Minister of Education who replied—that the grants to the Malayan Schools Sports Council should be increased. Sir, on the page 30 in the Written Answers there is also a question by the Member for Muar Utara and these are some of the figures given by the Minister: that the expenditure on aid to the Olympic Council was \$80,000—Mr Chairman, Sir, to me it is ridiculous that so much should be spent on people who cannot even make the finals in international meets.

Now, Sir, nothing was spent in 1964; \$20,000 was spent in 1965 and \$15,000 in 1966 for the Malayan Schools Sports Council.

Mr Chairman, Sir, the Government must realise that the nursery for the sportsmen of tomorrow lies in the schools and unless we cultivate, nurture and nurse the sportsmen-to-be in the schools, catch them young and train them while they are young, then it will be useless to spend such large sums on trips abroad.

Now, I do not know how much of this \$160,000 will be given to the Malayan Schools Sports Council. One

regularly sees in the Press the Malayan Schools Sports Council complaining that they are not even a step-child of the Ministry concerned. The Ministry probably does not seem to know the existence of this School Sports Council. If we are to have sportsmen of international standards, then I maintain that we should catch them young and train them while they are in the schools. Consequently, I do hope that the Assistant Minister will see his way to give to the Schools Sports Council not this paltry sum of \$20,000 or \$15,000 but perhaps \$50,000 that they require every year. The function of this Schools Sports Council is to hold competitive meets in the various centres, but mainly in Kuala Lumpur, so as to improve the standard of sports in our schools. Now, if we do not do so, then those of us who belong to the pre-War generation may yet never see people of the calibre of let us say, Dol Fatah, Chia Keng Hock, Vythilingam in soccer, or G. S. Gill and Lall Singh in cricket or Koh Kim Seng who represented China in the Olympics but who came from the M.B.S., Kuala Lumpur.

Mr Chairman, Sir, in conclusion, I wish to make a very strong plea and this does not affect my constituency, as has been mentioned by a few other Alliance back-benchers that the youths of this country demand as a right that the Ministry should give this aid rather than they beg and only be given \$50,000.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Wakil daripada Krian Darat memberi pandangan supaya Angkatan Belia Pelupor patut-lah menchontohi tindakan atau gerakan yang di-buat oleh tentera² dan Tentera Wataniah untuk menolong orang² dalam waktu banjir. Memang-lah, kalau boleh, kita pun berharap angkatan ini akan dapat berbuat sa-demikian, tetapi suka-lah saya menyatakan sebab²-nya dalam masa malapetaka baharu² ini angkatan ini tidak dapat bersama ia-lah kerana angkatan ini dalam masa baharu penubuhan, dan dalam tempoh ini mereka sedang mengikuti pengajaran²

dan pula kenderaan² atau pegawai² dan sa-bagai-nya dalam angkatan ini tidaklah begitu terator dan mempunyai alat² yang lengkap. Kalau sudah terator dan ada masa² yang boleh di-gunakan untuk perkara² yang begitu kita chuba-lah bagi masa yang akan datang.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Tanah Merah ia-itu terutama sa-kali membayangkan keraguan-nya oleh kerana kurang jelas dalam perkara masaalah kebudayaan mana-kah yang hendak di-kemukakan, sa-benar-nya perkara ini telah berulang² kali, bukan kali ini kali pertama, tetapi semenjak Kementerian ini di-adakan telah juga di-binchangkan dalam meshuarat tahun 1964 dahulu dan juga dalam tahun 1965 dan telah pula di-chakapkan berulang² dengan mengatakan bagaimana dapat di-bacha di-dalam report² atau penyata meshuarat² ini pada tahun² yang lepas dan sebab itu saya rasa tidak berguna bagi saya untuk memanjangkan masa membalekkan perkara² itu oleh kerana jika di-bacha daripada apa yang di-reportkan dalam penyata² tahun lepas dan dua tahun yang lampau, boleh-lah Ahli² Yang Berhormat itu mengikuti. Saya rasa yang sa-benar-nya pandangan beliau, ini sendiri, boleh jadi, ragu² atau dalam kebimbangan dengan tidak ada sebab-nya yang patut berkenaan dengan penubuhan Kementerian ini. Sebab pun saya nampak begitu kali ini Yang Berhormat daripada Tanah Merah ini nampak-nya telah banyak membuat tuduhan² sa-chara melulu dengan tidak mengambil usul pereksa. Jadi ini ada-lah satu perkara yang bersalahan dengan chara² kita sa-bagai Ahli² Dewan Ra'ayat yang di-hormati ini.

Mithal-nya, Yang Berhormat tadi ada membuat tuduhan yang telah di-jawab oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapar ia-itu kem di-Morib itu di-gunakan untuk Perikatan dan UMNO. Jadi tuduhan begitu sangat-lah tidak kena pada tempat-nya bahkan kalau menurut Standing Order, siapa yang membuat tuduhan bohong itu boleh di-chabar, tetapi sampai satakat itu saya maksudkan, chuma yang saya harap patut-lah Ahli² Yang Berhormat,

dalam membuat tuduhan² begitu, lebih baik menyiasat, oleh kerana kem di-Morib ini tidak ada kena-mengena dengan kursus² UMNO. Kursus² UMNO di-adakan di-kem yang berkebetulan berhampiran, bersempadan atau pun berdekatan dengan kem ini.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat itu membayangkan rasa tidak puas hati atas kursus² yang di-adakan di-Kuala Kubu, terutama sa-kali beliau bertanya apa-kah kursus² yang di-adakan dan dia membuat chontoh sa-orang pemuda PAS telah hadir di-sana beberapa hari kata-nya dan apa yang dia dapati ia-lah makan, minum, tidor—makan, minum, tidor. Sa-benar-nya ini ada-lah satu tuduhan yang sengaja, melulu, atau tidak sengaja, ada-lah satu tuduhan yang boleh di-katakan untuk hendak mengelirukan. Sapanjang yang ada dalam rekod Kementerian ini tidak ada satu orang PAS atau pun dengan nama UMNO atau pun dengan apa nama parti politik pun yang datang mengambil kursus. Kalau yang datang itu ia-lah dengan nama Kelab² Beliau dan bukan sa-bagai nama daripada badan² politik. Chuma pada satu ketika dalam akhir tahun 1965 ada di-adakan Seminar sa-lama beberapa hari—tiga empat hari di-mana wakil² daripada semua chabang² beliau, sama ada sukarela atau pun daripada chabang² parti politik UMNO, PAS, ada hadir. Wakil PAS kalau tidak salah yang sa-orang bernama Enche' Yazid Ja'afar. Beliau telah tinggal bersama² di-situ sa-lama tiga hari—kalau tidak salah—dia bukan meng-hadziri kursus² anjoran Kementerian ini, tetapi menghadziri satu Seminar dan tidak-lah di-beri apa² kursus atau pelajaran dalam tempoh beberapa hari itu. Sebab jika itu yang di-maksudkan maka langsung-lah tidak ada kena-mengena dengan kursus² yang ada di-Kuala Kubu Baharu itu.

Jadi saya harap-lah beliau berhati²-lah dalam membuat tuduhan² bagini kerana saya anggap ini satu jalan tidak patut bagi sa-orang yang di-pilih oleh ra'ayat yang mempunyai nama Yang Berhormat pula di-depan-nya itu membuat tuduhan² yang boleh terus terang saya katakan tuduhan yang bohong.

Beliau merasa pula bimbang nanti pemuda² akan di-indoctrinatekan oleh Kementerian ini kepada satu² Ahli yang tertentu. Jadi ini ia-lah bagi di-adat-lah. Kalau sa-paroh² pehak parti politik yang tidak mahu memandang kepada keadaan yang sa-benar-nya, sentiasa berwas² atau churiga kepada gerakan² Kerajaan dan Kementerian. Saya suka-lah menyatakan tujuan Kementerian ini tidak-lah bertujuan hendak menjadikan semua pemuda² dalam Malaysia ini sa-bagai pemuda Perikatan, UMNO, M.C.A., M.I.C.—kalau dia hendak masuk siapa boleh melarang. Tetapi tujuan kita ia-lah untuk membimbing mereka itu menjadi pemuda², belia², pemuda-pemudi yang berguna kepada bangsa dan negara. Boleh jadi oleh kerana mereka itu merasa hendak menjadi pemuda yang berguna, barangkali mereka memberi fikiran yang sa-jalan dengan Kerajaan—itu kebetulan, kerana mereka itu barangkali mempunyai fikiran yang sempurna, tidak mempunyai fikiran yang tidak tentu arah dan di-punya² oleh sa-paroh² pehak.

Pusat Latehan Belia Kuala Kubu dalam tahun 1966 di-adakan sa-banyak 40 kursus untuk sa-lama tiga minggu bagi tiap² satu kursus, di-mana 790 orang peserta telah mengambil bahagian ia-itu 262 kursus pimpinan, 65 kursus pertukangan tangan, 40 kursus jahit-menjahit, 90 kursus rumah-tangga, 79 tari, 166 derama, 57 seni foto dan 31 work camp. Dalam tahun 1967 ini di-anggarkan anggaran-nya daripada 790 menjadi 1,000 orang. Jadi daripada jenis² dan bilangan² kursus yang ada ini tidak-lah menasabah bagaimana yang di-anggapkan oleh Ahli Tanah Merah tadi ia-itu kursus² ini tidak tahu hujong pangkal-nya. Jadi ini-lah chara-nya yang saya perhatikan beliau dan jika beliau suka hendak melihat sendiri, suka-lah saya menentukan satu masa supaya beliau boleh datang sendiri dan melihat tempat² sa-bagitu, jangan-lah membuat tuduhan² sa-chara mengendap atau pun sa-chara dalam gelap bagitu sahaja.

Berkenaan dengan butiran perbelanjaan pula dalam beberapa perkara kenaikan berlipat ganda ia-itu telah

pun saya membuat penjelasan tetapi nampak-nya maseh lagi di-bangkitkan oleh beliau, dan juga Ahli daripada Bachok kondem atas kenaikan 50% mengikut kata beliau itu. Memang perkara ini saya akui, tetapi saya suka hendak menyatakan ia-itu kedudukan Kementerian ini berlainan daripada Kementerian² yang telah lama. Sa-waktu di-kemukakan perbelanjaan dalam tahun 1966 dahulu, memang dengan bersefahaman dengan pehak Perbendaharaan ia-itu segala perbelanjaan untuk gaji² kaki-tangan, untuk sewa pejabat dan lain² itu di-beri sa-chara untuk sa-lama 6 bulan atau sa-tinggi² nya lapan bulan. Oleh kerana pada masa itu kita belum ada pegawai² yang telah di-ambil bekerja dan di-fikirkan pehak P.S.C. atau pehak Kementerian ini akan mengambil masa tiga empat bulan atau sa-tengah tahun untuk mendapatkan pegawai² yang tertentu di-dalam perbelanjaan Kementerian ini.

Jadi, sebab itu-lah dalam tahun ini perbelanjaan berlipat-ganda oleh kerana pegawai² telah di-ambil dalam bulan June, Julai, Ogos, September, October, November dan December, 1966, kena-lah pada tahun ini dimasukkan gaji² nya untuk sa-lama 12 bulan, tidak lagi enam bulan dan sa-bagai-nya. Bagitu-lah juga berkenaan dengan perkara² yang lain.

Pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, saya mengucapkan terima kasih-lah atas tahniah dan rasa simpati beliau kepada Kementerian ini dan juga pandangan beliau atas keluaran Majallah PEMIMPIN ini. Keluaran Majallah PEMIMPIN ini, tujuan-nya ia-lah untuk menjadi satu badan perantaraan untuk kaum² belia, sport dan juga culture sama² mengeluarkan fikiran untuk perkembangan ketiga² lapangan ini.

Berkenaan dengan pandangan beliau supaya pemuda² kita dalam pusat² latehan seperti di-Dusun Tua itu di-beri latehan sukan, memang-lah itu menjadi satu daripada tujuan kita dan pehak Kementerian ini sedang menchari jalan supaya belia² itu di-samping di-beri latehan² dalam pekerjaan, juga

mengambil peranan² yang tertentu dalam lapangan² sukan yang munasabah boleh mereka jalankan. Dan kita harap-lah pada satu masa belia² saperti belia di-Dusun Tua Angkatan Pelupor ini akan dapat di-kemukakan dalam lapangan² yang tertentu dalam bidang sukan.

Berkenaan dengan pandangan Ahli daripada Tanjong Malim, bantuan kepada kawasan pilehan raya-nya, suka-lah saya menyatakan ia-itu Kementerian ini pada dasar-nya tidak-lah memberi bantuan mengikut kawasan² pilehan raya, mengikut daerah². Bantuan yang di-beri biasa-nya, dalam lapangan² sukan mithal-nya, di-beri kepada badan² kebangsaan; biasa-nya pula ia-lah melalui Olympic Council—Majlis Olympic Negara. Badan majlis ini-lah yang mentadbirkan pembahagian²-nya pula kepada badan² sukan kebangsaan saperti badminton, sepak raga, football dan lain² lagi, dan mengikut kadar² yang munasabah. Walau macham mana pun, suka-lah saya menyatakan, mulai daripada sekarang ini, telah ada pegawai² kita yang di-tugaskan di-beberapa buah negeri, satu daripada-nya negeri Perak. Jadi, pegawai ini boleh-lah di-hubongi dalam perkara² yang tertentu dan boleh memberi nasehat, panduan dan sa-bagai-nya. Ada-lah menjadi dasar kita tidak suka hendak memberi bantuan sa-bagaimana yang Ahli Yang Berhormat itu sendiri bersetuju dengan chara begitu sahaja kepada tiap² badan, oleh sebab dengan chara ini mengajar mereka itu meminta sedekah, dan ini berlawanan dengan dasar Kerajaan dan dasar yang sa-benar yang patut di-ikuti oleh semua pihak.

Pandangan Ahli daripada Kulim Utara, kenapa-kah sewa pejabat dinaikkan, terutama sa-kali suka-lah saya hendak menyatakan, sa-benar-nya dalam tahun lepas memang ada peruntukan untuk membuat pejabat Kementerian ini sa-banyak lebih kurang \$300,000 tetapi oleh kerana di-fikirkan oleh pihak Kerajaan pada keseluruhannya lebih baik di-buat pejabat yang bukan untuk sa-suatu Kementerian, tetapi dua tiga buah Kementerian atau dua tiga buah

jabatan dengan bangunan² yang cukup besar dan banyak tingkat-nya lebih menguntungkan. Jadi perkara pejabat Kementerian ini terpaksa-lah di-ketepikan dan sekarang ini saya di-fahamkan pihak Kerajaan berchadang supaya Kementerian² yang menyewa pejabat itu di-letakkan dalam bangunan² yang di-buat dengan sa-chara banyak tingkat dan lebih menguntungkan lagi. Tetapi suka-lah saya menerangkan bahawa sewa ini bukan untuk Kementerian ini sahaja, juga untuk separoh² pejabat di-negeri².

Berkenaan dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu, terutama sa-kali suka saya hendak menyatakan sebab-nya bantuan dalam tahun 1964, *nil* dalam jawapan, ia-itu kosong, ia-lah oleh kerana pada masa itu Kementerian ini baharu di-tubuhkan. Kementerian ini di-tubuhkan dalam bulan May 1964. Jadi, sebab itu-lah ta' ada langsung satu peruntukan untuk Kementerian ini dalam tahun 1964. Boleh jadi ada barangkali bantuan² daripada jabatan lain, mithal-nya, Jabatan Perdana Menteri yang pada masa itu bertugas dalam lapangan sport. Jadi, oleh kerana soalan ini kepada Kementerian ini, sebab itu-lah timbul-nya angka kosong ini.

Memang-lah menjadi dasar Kementerian ini untuk memajukan sukan ini, terutama sa-kali daripada tunas-nya, ia-itu daripada yang kecil lagi, daripada kanak² laki² dan perempuan. Tetapi, satu perkara yang menjadi masaalah ia-lah tugas Kementerian ini untuk ahli² sport, belia dan culture yang di-luar daripada sekolah. Pihak kita sekarang ini sedang berurus dengan pihak Kementerian Pelajaran supaya menentukan betul² perkara badan *Schools Sports Council* ini, sama ada patut langsung menerima bantuan daripada Kementerian ini, atau pun daripada Kementerian Pelajaran. Oleh kerana *Schools Sports Council* ini, walau pun dia itu satu majlis sport yang sangat berguna, bagaimana kata Ahli Yang Berhormat daripada Batu itu, dan saya sangat bersetuju, tetapi bagaimana di-ketahu² ini meliputi hanya gulungan dalam sekolah sahaja. Jadi, sebab itu hendak-lah

ada satu ketentuan yang sungguh daripada Kementerian Pelajaran dalam perkara ini. Perkara ini sedang kita rundingkan, dan walau macham mana pun suka-lah saya menegaskan sama ada daripada Kementerian Pelajaran atau Kementerian ini, bagi tahun 1967 ini, sa-berapa daya kita chuba-lah menolong bagaimana² tahun² yang lampau kepada Schools Sports Council ini.

Suka-lah saya menerangkan juga, memang-lah dalam lapangan sport ini, pehak Kementerian ini mula daripada sekarang ini, chuba hendak menchari jalan meninggikan mutu² darjah sukan. Dan nampak-nya ada satu sharikat yang nampak-nya sangat mengambil berat juga, dan bagaimana saya ketahu² telah menolong melalui mithal-nya, dengan penubuhan National Sport Foundation, melalui satu grant sa-banyak \$250,000 daripada satu badan atau sharikat perniagaan telah memberikan kerjasama kepada Kementerian ini di-tubuhkan dengan tujuan untuk meninggikan mutu sport di-mana segala penyelidekan dan chara² meninggikan lapangan football, lapangan hockey, lapangan athletic, dan lain² lagi olah-raga dapat di-majukan. Jadi, apabila foundation ini berjalan dengan lancar-nya, saya perchaya-lah mereka² yang di-beri latehan, tentu-lah juga termasuk mereka² yang umor-nya maseh kechil lagi, yang kebanyakan-nya sudah tentu saya agak daripada kanak² sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, itu-lah sahaja, dan sekarang ini saya kemukakan untuk menjadi sa-bahagian daripada jadual.

Question put, and agreed to.

The sums of \$3,646,728 for Head S. 14 and \$422,121 for Head S. 15 ordered to stand part of the Schedule.

Mr Chairman: Meshuarat ini ditanggohkan sa-hingga pukul 4 petang hari ini.

Sitting suspended at 12 noon.

Sitting resumed at 4 p.m.

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair).

THE SUPPLY (1967) BILL

Committee

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair).

SCHEDULE

Head S. 16—

The Deputy Prime Minister and Minister of Defence (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Pengerusi, saya pohon menchadangkan supaya Kepala S. 16 yang menunjukkan peruntokan sa-banyak \$250,005,081 bagi Kementerian Pertahanan untuk tahun 1967 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, peruntokan sa-banyak yang saya sebutkan itu ia-itu \$250,005,081 ini ada-lah terdiri daripada \$109,489,670 bagi Gaji; \$119,572,139 bagi lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun dan \$20,943,272 bagi Perbelanjaan Khas. Jumlah peruntokan ini ada-lah merupakan tambahan sa-banyak \$12.3 juta atau pun 5.2 peratus daripada peruntokan yang telah di-berikan kepada Kementerian Pertahanan pada tahun 1966.

Sa-belum saya menerangkan dengan lanjut-nya peruntokan ini, saya suka, Tuan Pengerusi, menyebutkan di-sini satu peristiwa yang sangat besar ma'ana-nya kepada negara kita ini, terutama sa-kali kepada Kementerian Pertahanan dan kepada Angkatan Tentera kita, ia-itu tamat-nya confrontasi di-antara Indonesia dengan Malaysia. Jadi, kita berharap persahabatan dan juga kerjasama yang sedang di-jalankan di-antara kita dengan Indonesia ini akan dapat berkekalan. Dengan itu dapat-lah dua² negara ini menjalankan usaha² dalam beberapa lapangan untuk faedah bersama².

Tuan Pengerusi, dalam masa beberapa tahun yang sudah, saperti Ahli² Yang Berhormat mengetahui pehak Kerajaan terpaksa memperhebatkan lagi pembesaran Angkatan Tentera kita ia-itu

pasokan² baharu terpaksa di-tubuhkan, kapal² perang dan kapal² terbang telah di-perbanyakkan lagi bilangan-nya. Kita terpaksa mengambil langkah ini ia-lah di-sebabkan oleh kepentingan negara, oleh sebab kita terpaksa menjalankan langkah² untuk mempertahankan negara kita ini. Bagitu juga, Tuan Pengerusi, saya telah kerap kali menyatakan bahawa bukan sahaja Angkatan Tentera kita mustahak diperbesarkan, bahkan mustahak juga diperkemaskan lagi, kerana telah menjadi chita² dan dasar Kerajaan kita ia-itu mustahak-lah kita mempunyai Angkatan Tentera Bersenjata yang kuat serta lengkap bagi mempertahankan negara kita dan bangsa kita. Kita mestilah bersiap sedia untuk menentang sa-barang apa juga ancaman terhadap negara kita, baik dari luar atau dari dalam.

Pada masa ini sungguh pun konfrontasi telah tamat di-Sabah dan juga di-Sarawak, di-Malaysia Timor dan juga di-sempadan di-antara Malaysia dengan Thailand, maseh ada lagi terdapat ahli² komunis, anasir² komunis yang sedang menjalankan gerakan untuk hendak memecahkan keamanan di-negara kita ini dan mustahak-lah bagi pehak Kerajaan meneruskan gerakan² bagi menghapuskan saki-baki komunis² yang berada di-dua² tempat ini. Oleh itu Tentera Laut dan Tentera Udara dan terutama sa-kali Tentera Darat kita hendak-lah di-perbesarkan lagi.

Tentera Darat mempunyai tambahan anggota yang banyak sa-kali dalam tahun 1967. Pasokan² baharu ia-itu Pasokan Tentera Jalan Kaki, atau Infantry ada-lah di-tubuhkan supaya menambahkan lagi kekuatan yang sedia ada.

Sa-lain daripada itu kita terpaksa menambahkan pasokan² kecil yang memberi bantuan kepada tentera² darat kita. Pasokan² yang lama pun, battalion² yang lama pun, kita terpaksa perkuatkan lagi, kita terpaksa menambah anggota-nya kerana mereka itu mempunyai peranan² yang lebih penting dan mustahak lagi.

Berkenaan dengan Tentera Laut pula jumlah kapal² yang ada dalam tahun

1966 itu mustahak-lah di-tambah bilangan lagi, dalam tahun ini, untuk menjalankan tugas mereka itu di-wilayah, terutama sa-kali di-Sabah dan Sarawak dan oleh sebab mustahak-nya di-tambah bilangan² kapal itu, ini berma'ana-lah kita terpaksa menambah kakitangan² dan ahli² tentera laut supaya kapal itu dapat di-gunakan dengan chara sempurna. Bagitu juga-lah pasokan yang sedia yang telah di-tubuhkan pada tahun² yang lalu itu perlu juga di-perbesarkan lagi dan di-tambah anggota-nya.

Bagitu juga-lah tentera udara kita, mustahak juga di-perbesarkan. Kapal²-terbang yang ada pada masa ini akan di-tambah lagi supaya dapat tentera udara kita menjalankan tugas mereka itu dengan lebih sempurna lagi. Dengan penambahan kapal-terbang itu, ada-lah berma'ana bahawa kita terpaksa menambah lagi anggota² tentera udara kita dan bagitu juga kita terpaksa mengadakan satu squadron jet pembinas, atau strike Aircraft dan Squadron ini berma'ana-lah kita terpaksa menambah perbelanjaan lebih banyak lagi dalam lapangan tentera udara.

Berhubung dengan Pasokan Askar Wataniah, saya telah pun memberi tahu Dewan ini bahawa pasokan ini tidak hendak di-kurangkan bilangan anggotanya di-sebabkan Pasokan Wataniah ini terpaksa mengambil alih atau pun menjalankan tugas² yang dahulu dijalankan oleh tentera² biasa, di-sebabkan tentera² biasa atau Regular Army itu di-kehendaki menjalankan tugas di-Sabah dan di-Sarawak. Pada masa ini kita mempunyai tiga Battalion Askar Wataniah ini dan semua-nya ini sedang berkhidmat penoh masa mengisi tempat tentera tetap yang saya sebutkan tadi.

Berkenaan dengan Tentera² Tempatan ini pun saya telah memberi tahu kepada Dewan ini bahawa kita tidak-lah berchadang hendak mengurangkan bilangan Tentera² Tempatan ini, akan tetapi oleh sebab tugas mereka itu telah-lah tamat dengan tamat-nya konfrontasi dan untuk hendak mengurangkan perbelanjaan, maka masa lutehan mereka itu terpaksa-lah di-kurangkan. Bagitu juga-lah ahli²

Pasokan Tentera Tempatan yang dahulu, pada masa konfrantasi dikehendaki bertugas sa-panjang masa, atau menjalankan call up duty dengan tamat-nya konfrantasi mereka itu tidak dikehendaki lagi menjalankan tugas² itu dan mereka itu balek-lah saperti sedia kala, ia-itu menjalankan tugas dalam masa aman atau peace time. Jadi, saya suka-lah mengambil peluang ini menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh dan tahniah kepada ahli² Pasokan Tentera Tempatan yang telah menjalankan tugas mereka itu dengan sangat memuaskan hati bagi bangsa dan negara kita dan kepada mereka² itu yang sekarang ini telah berhenti membuat pekerjaan tetap sa-penoh masa itu pehak Kerajaan sedia-lah hendak memberi apa juga pertolongan yang patut bagi menolong mereka itu memulakan chara penghidupan yang baharu.

Saya telah juga memberi tahu Dewan ini bahawa Kementerian Pertahanan telah menubuhkan satu bahagian baharu untuk hendak menolong dan menjaga kepentingan ahli² Bekas Pasokan Keselamatan yang telah menjalankan tugas kepada negara. Bagitu juga bagi isteri ahli² Pasokan Keselamatan yang telah terkorban, pehak Kerajaan sedang mengambil langkah untuk hendak menjaga kepentingan mereka itu dengan kerjasama daripada Persatuan Bekas Keselamatan, dan saya harap usaha² dapat di-jalankan dengan sempurna bagi memberi pertolongan kepada mereka itu.

Tuan Pengerusi, saya sekarang hendak memberi keterangan sedikit berkenaan dengan peruntukan kewangan yang terdapat di-bawah Kepala S. 16—Kementerian Pertahanan. Kebanyakan daripada tambahan peruntukan itu ialah di-bawah gaji² anggota² tentera kita. Tambahan ini ia-lah sa-banyak \$7.1 juta dan ini di-sebabkan oleh perkara² yang telah saya sebutkan tadi ia-itu kita terpaksa menambah bilangan tentera² biasa kita.

Pada umum-nya, rangka Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertahanan pada tahun 1967 ini tidak ada perubahan besar daripada tahun yang lalu, saperti Ahli² Yang Berhormat menge-

tahui bahagikan kepada lima bahagian—Bahagian A, B, C, D dan E.

Bahagian A: Ia-lah untuk jawatan awam dan tentera yang telah di-wujudkan sa-lepas terbentuk-nya Malaysia. Dalam Bahagian ini dapat-lah kekurangan anggota sa-banyak dua orang, tetapi jumlah peruntukan yang dikehendaki telah bertambah sa-banyak \$3.7 juta.

Bahagian B ia-lah jawatan dan juga 'awam dan tentera yang di-tubuhkan sa-telah Malaysia di-wujudkan. Di-sinilah banyak sa-kali tambahan wang atau pun vote yang dikehendaki lebih kurang \$7.6 juta dan kita berkehendakkan tambahan anggota sa-banyak 3,048 orang.

Bahagian C ada-lah untuk Jabatan Khidmat Negara yang Ahli² Yang Berhormat mengetahui telah pun ditutup dan di-rentikan sa-bagai yang telah saya terangkan kepada Dewan ini bahawa oleh sebab kita mustahak mengurangkan perbelanjaan, latehan² bagi tentera pasokan Setia Negara ini terpaksa-lah di-rentikan dan segala latehan² itu di-tamatkan.

Dalam masa kita menjalankan Undang² Kerahan Tenaga Ra'ayat, pehak Kerajaan telah mendaftarkan lebih kurang 400,000 pemuda dan pemudi yang di-lahirkan di-antara 19 haribulan November, tahun 1934 hingga 19 November, tahun 1942 dan daripada bilangan itu yang di-daftarkan itu hanya-lah 9,627 orang sahaja yang dapat di-beri latehan di-tempat² latehan di-Port Dickson, Ipoh, Pulau Pinang dan di-Kuala Trengganu.

Sa-lain daripada itu sa-ramai 24 orang doktor telah pun di-panggil untuk berkhidmat jadi doktor² ini dan telah di-beri latehan sa-lama dua minggu; mereka itu di-hantar kepada pasokan² tentera untuk menjalankan perkhidmatan mereka sa-lama sa-tahun. Saya chadangkan panggilan bagi doktor² ini akan di-teruskan, oleh sebab kita maseh lagi menghadapi kekurangan doktor² bagi tentera² negara kita. Saya suka-lah mengambil peluang ini menguchapkan terima kaseh kepada mereka² yang telah berkhidmat di-dalam perkhidmatan negara

ini, sama ada telah di-lateh atau pun yang sedang memberi perkhidmatan di-pejabat². Dalam tahun 1967 ini hanya-lah 27 orang sahaja anggota yang di-kehendaki di-bawah Bahagian C ini. Mereka ini-lah untuk menyediakan rekod² dan sa-bagai-nya kerana ini mustahak kita sediakan sa-belum perkhidmatan Pasokan Setia Negara ini di-tamatkan.

Bahagian D ada-lah di-untukkan bagi jawatan 'awam dan tentera yang di-kehendaki bagi Pasokan Pertahanan Tempatan. Pasokan ini telah mula di-tubuhkan pada tahun 1967. Pada masa itu kita ada 22,000 orang dan sekarang ini telah meningkat bilangan-nya kepada 38,000 dalam tahun 1966, termasuk-lah sa-banyak lebih kurang 900 orang Pasokan Pertahanan Wanita. Oleh kerana, seperti saya sebutkan tadi, kewangan kita tidak mengizinkan, maka perbelanjaan bagi Pasokan Pertahanan Tempatan ini terpaksa di-kurangkan sa-besarnya yang boleh. Yang pertama sa-kali Pasokan Latehan atau Training Team yang pada tahun dahulu ada di-benarkan sa-banyak 276 Pasokan Pelateh, akan tetapi kita hanya-lah mengadakan 165 sahaja. Dan pasokan yang belum di-tubuhkan itu tidak akan hendak di-tubuhkan. Begitu juga-lah sukarelawan ini hanya-lah akan menjalankan latehan pada tahun ini 60 jam sahaja pada sa-tahun, tidak 120 jam seperti pada tahun yang dahulu dan bagi pehak uniform kita akan membenarkan sa-saorang itu mendapat sa-pasang uniform pada tiga tahun lama-nya baharu-lah kita akan gantikan. Senapang pun kita akan memberi senapang shortgun. Latehan Camp pun akan di-kurangkan, latehan 4 hari itu kita akan jalankan 50% sahaja daripada kekuatan dalam satu pasokan. Jadi semua langkah² ini terpaksa-lah di-ambil oleh sebab hendak mengurangkan perbelanjaan. Seperti saya terangkan tadi Pasokan Tentera yang tetap ia-itu Pasokan Tentera Darat, Udara dan Laut, terpaksa kita per-besarkan. Jadi Pasokan Tentera Tempatan ini kita terpaksa hendak mengurangkan belanja di-mana tempat² yang boleh.

Bahagian E pula ia-lah untuk jawatan volunteers atau sukarelawan

yang telah di-panggil bertugas, sama ada untuk menjaga sasaran penting atau key point dari di-musnahkan oleh musuh atau pun untuk membantu askar biasa. Askar yang terlibat dalam perkara ini ia-lah Askar Wataniah, Pasokan Pertahanan Tempatan dan juga Askar Simpanan Tentera Udara. Kebanyakan daripada anggota tentera biasa kita ada-lah di-tempatkan di-Malaysia Timor. Dengan sebab itu tempat² mereka itu di-Malaysia Barat ini hendak-lah di-isikan oleh Pasokan volunteers ini. Dalam tahun ini jumlah key point atau sasaran penting yang maseh di-jagai oleh Pasokan Pertahanan Tempatan telah di-kurangkan daripada 300 menjadi 23 tempat sahaja. Dengan sebab itu-lah kita dapat mengurangkan perbelanjaan dalam bahagian ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka hendak jelaskan sedikit berkenaan dengan peruntukan kewangan yang terdapat di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun (O.C.A.R.). Peruntukan yang terdapat di-bawah tajok ini dalam tahun 1967 mempunyai kekurangan sa-banyak \$4.6 juta daripada angka yang telah di-luluskan bagi tahun 1966.

Angkatan Tentera kita maseh mempunyai kekurangan anggota² yang ter-lateh. Pada tahun ini kita berkehendakkan wang tambahan dari tahun yang lalu dalam Pechahan-kepala 9, 10 dan 11 supaya dapat kita menghantar lebih banyak lagi ahli² tentera kita untuk berlateh, sama ada di-Pusat Latehan di-negara kita ini atau pun di-negeri² di-seberang laut.

Latehan Tentera Udara Khas-nya mempunyai tambahan sa-banyak \$1.7 juta daripada peruntukan 1966. Pada masa yang akan datang ini Tentera Udara kita akan mempunyai lebih banyak lagi kapal² terbang seperti yang telah saya sebutkan tadi dan akan memainkan peranan yang lebih penting lagi daripada masa yang telah lalu. Oleh itu anggota tentera udara kita mesti-lah di-lateh supaya dapat menjalankan tugas ini.

Bagitu juga Anggota Angkatan Tentera kita ada-lah di-hantar keluar

negeri seperti Canada, United States, Australia, New Zealand, India dan United Kingdom untuk melanjutkan kursus² dan pelajaran mereka telah mendapat latihan di-negara kita. Ada juga yang di-hantar belajar di-Universiti Malaya, Universiti Singapura dan juga Kolej Teknik untuk mendalami lagi pelajaran mereka itu dalam ilmu perubatan, ilmu teknik seperti kejuruteraan atau engineering dan sebagainya.

Pechahan-kepala 12 mempunyai tambahan peruntukan sa-banyak \$1.7 juga. Tambahan ini ada-lah di-sebabkan oleh kita di-kehendaki membeli dan membayar sewa alat perkhidmatan. Juga wang ini ada-lah bagi perutusan yang di-buat menerusi Jabatan Pos.

Pechahan-kepala² yang lain ada-lah mengandungi tambahan sedikit sa-banyak di-sebabkan kita terpaksa menambah lagi bilangan Tentera² Tetap, Tentera Darat, Udara dan Laut dan begitu juga di-sebabkan tentera² kita telah bertambah berat tanggongannya kerana tentera kita terpaksa mengambil alih kuasa daripada Tentera Commonwealth di-wilayah² Sabah dan Sarawak.

Di-bawah Perbelanjaan Khas (Special Expenditure) Kementerian Pertahanan ada-lah berkehendakkan tambahan sa-banyak \$9.78 juta daripada angka yang telah di-luluskan bagi tahun 1966. Pada keseluruhannya tambahan ini ada-lah berkaitan dengan pembelian barang² baharu yang di-gunakan oleh Angkatan Bersenjata kita.

Saya telah menyatakan bahawa dengan tamat-nya konferansi, Pasukan Tentera kita telah mengambil alih tugas di-Malaysia Timor daripada Tentera Commonwealth. Mereka itu sedang menjaga keselamatan negara kita di-wilayah Sabah dan Sarawak. Keadaan di-Malaysia Timor ada-lah memerlukan tentera kita menjalankan banyak kerja² seperti membuat jalan dan juga mendirikan khemah² sementara supaya tentera² kita dapat menjalankan tugas mereka itu dengan lebih sempurna lagi. Oleh yang demikian maka peruntukan sa-banyak \$200,000 dan \$500,000 ada-lah di-

kehendaki di-Pechahan-kepala 51 dan 52.

Tuan Pengerusi, saya telah memberi penjelasan sedikit sa-banyak berkenaan dengan peruntukan yang telah di-masukkan dalam Anggaran Tahun 1967 bagi Kementerian Pertahanan. Kita mustahak-lah, seperti saya terangkan tadi, mempunyai tentera yang cukup untuk mempertahankan tanah ayer kita dan tentera² kita itu mustahak-lah di-peralatkan dengan alat² yang sempurna. Begitu juga tentera kita mustahak di-beri latihan dengan sempurna supaya mereka itu sentiasa mempunyai semangat dan kechergasan yang tinggi untuk menunaikan tanggung-jawab mereka itu.

Saya telah kerap kali menyatakan bahawa kita di-Malaysia ini sangat beruntung di-sebabkan kita mempunyai Angkatan Tentera yang ta'at setia dan mempunyai tata-tertib yang baik, keberanian dan kechergasan yang tinggi. Mereka telah menjalankan tugas mereka itu bagi mempertahankan negara kita ini dengan amat chemerlang-nya. Nama baik tentera kita sentiasa harum bukan sahaja di-sisi ra'ayat negara ini bahkan di-kalangan negara² asing di-dunia. Begitu juga dalam menjalankan tugas mereka itu ada di-antara tentera² kita yang telah terkorban. Kapada mereka kita sentiasa-lah mengenang jasa dan pengorbanan mereka itu. Jasa² dan pengorbanan mereka itu ada-lah di-junjung tinggi oleh ra'ayat di-negara kita seluruh-nya.

Sa-lain daripada membuat perondaan dan juga sa-bagai-nya dengan menggunakan alat senjata, Angkatan Tentera kita telah juga memberi kesempatan menolong ra'ayat Malaysia dalam masa kechemasan umpama-nya masa bencana alam seperti menyelamatkan nyawa dan harta-benda dalam masa banjir yang besar baharu² ini. Ini ada-lah terbukti bagaimana chara-nya tentera kita bersedia menjalankan tugas mereka itu bukan sahaja mempertahankan tanah ayer kita bahkan menolong ra'ayat negara kita ini untuk menyelamatkan nyawa dan menolong menyelamatkan harta-benda.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, sa-belum saya akhiri ucapan saya ini saya suka-lah mengucapkan berbanyak² terima kasih kepada ahli² tentera kita yang telah menjalankan tugas mereka itu yang saya kata sangat-lah chemerlang-nya dalam masa konfrantasi dan juga dalam masa mempertahankan negara kita. Bagitu juga-lah saya suka mengambil peluang ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada askar dan Kerajaan negara² Commonwealth, terutama sa-kali United Kingdom, Australia, New Zealand dan Canada yang telah memberi pertolongan kepada kita. Di-Sabah dan Sarawak, pada satu masa dahulu, ada banyak pasokan² tentera Commonwealth—Askar British, New Zealand, Gurkha dan juga Australia yang berkhidmat bersama² dengan askar² kita untuk membantu mempertahankan kedaulatan negara kita. Sa-lain daripada itu mereka itu ada juga memberi bantuan kepada tentera² kita ia-itu dengan bantuan kapal dan juga bantuan Tentera² Udara dan kapal² terbang.

Jadi, askar² Commonwealth telah menolong kita mempertahankan negara kita dan pada masa mereka itu berkhidmat di-Sabah dan Sarawak telah juga menolong membuat jalan², jambatan dan sa-bagai-nya di-wilayah itu. Askar² Commonwealth telah berkhidmat di-Malaysia Timor itu telah benar² menunjukkan semangat mereka itu yang ikhlas bagi membantu kita. Jadi, pada masa ini mereka telah di-undorkan dari wilayah itu. Oleh itu saya suka-lah sa-kali lagi memberi peluang ini bagi pihak Kerajaan dan ra'ayat Malaysia ini mengucapkan sa-tinggi² terima kasih kepada tentera² itu dan juga kepada Kerajaan Negara² Commonwealth yang telah sedia membantu kita dalam masa menghadapi anchaman dari luar. Bagitu juga-lah kepada pasokan tentera kita, saperti saya kata tadi, saya sangat berpuas hati dengan perkhidmatan yang mereka itu telah tunjukkan pada masa yang lampau ini dan saya berharap dan saya sentiasa memberitahu berpesan kepada ahli² anggota tentera² kita bahawa mustahak-lah mereka itu sentiasa menunjukkan semangat keperwiraan dan ta'at setia

kapada bangsa dan negara. Mereka hendak-lah sentiasa berwaspada dan berjaga² jika ada anchaman² yang timbul daripada mana² pihak untuk hendak merosakkan ketenteraman dan kedaulatan negara kita. Dan mereka itu mustahak-lah sentiasa bersedia untuk menentang musuh² dan apa juga anchaman yang ada terhadap negara kita ini.

Jadi, sa-kali lagi saya suka-lah mengucapkan sa-tinggi² tahniah dan terima kasih kepada tentera² kita yang telah berkhidmat dengan baik-nya dan kepada mereka² yang telah terkorban, saya suka-lah menyebutkan yang kita sentiasa ingatkan jasa² mereka itu kepada bangsa dan negara. Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya dengan sukachitanya menhadangkan yang Anggaran Perbelanjaan ini di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual (*Tepok*).

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi menyokong peruntukan yang di-minta oleh Kementerian Pertahanan ini dan saya rasa Kementerian Pertahanan patut-lah di-beri kepujian dan tahniah yang tinggi di-atas chara²-nya mengendalikan Angkatan Bersenjata kita pada masa yang lepas dan masa ini. Angkatan Bersenjata kita telah di-bekalkan dengan perbekalan² senjata bukan sahaja daripada satu puncha tetapi oleh puncha² yang berlainan menurut kepentingan perbekalan² itu. Ada dari negeri Perancis, Italy, Belgium, Sweden dan lain². Dan ini ada-lah satu perkara yang memang patut di-sedari oleh semua pihak kerana sa-betul-nya sa-kali kalau ada orang menudoh yang Malaysia mengutamakan hanya Britain dan pengalaman Britain maka ada-lah sangkaan itu salah. Britain itu pada masa ini bukan lagi merupakan kuasa besar yang No. 1. Dia telah jatuh kuasa No. 2 atau No. 3. Segala apa yang di-pakai oleh Britain dan orang Inggeris itu bukan-lah yang terbaik sa-kali bahkan kapal² terbang perdagangan Sharikat BOAC sendiri menempah kapal terbang Boeing 707 dan tidak kapal² terbang di-buat oleh orang British sendiri. Jadi dari segi ini, Tuan Pengerusi, usaha Kementerian Pertahanan

dalam perkara ini ada-lah patut mendapat penghargaan daripada seluruh warganegara.

Perkara yang kedua saya hendak sentoh ia-lah bahawa dengan tamatnya konfrantasi, maka amat-lah besar tugas yang di-hadapi oleh Kementerian Pertahanan dan kecekapan Kementerian Pertahanan menghadapi tugas yang amat besar ini tidak dapat dinafikan sama sa-kali. Angkatan² Darat kita akan di-perbesarkan, Angkatan Laut pun demikian juga, Angkatan Udara pun demikian pula bertambah dengan Squadron Jet-nya dan menurut angka yang ada dalam peruntukan ini belanja bagi latehan Tentera² Udara di-tambah daripada \$2.3 million kepada \$4 million—sa-kali ganda.

Dalam menghadapi suasana yang ada ini, saya rasa suka mengshorkan walau pun pada masa ini Pegawai² Dagang maseh ada dalam Angkatan Bersenjata kita pada tempat² yang di-perlukan, tetapi patut-lah pehak Kementerian ini menjalankan langkah yang lebeh segera, atau di-segerakan langkah me-Malaysiakan jawatan² tentera dalam Angkatan Bersenjata kita yang maseh di-pegang oleh Pegawai² Dagang yang ada beratus² orang lagi itu. Dan patut juga di-nyatakan bila-kah jawatan Ketua Angkatan Udara dan Ketua Angkatan Laut akan di-gantikan oleh anak Malaysia? Saya tidak mengatakan bahawa jawatan ini patut di-gantikan sekarang juga, tetapi harus di-beri penyataan dalam jangka masa yang berapa lama-kah yang perlu bagi jawatan ini di-penuhi oleh anak Malaysia sendiri

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, untuk keterangan. Kedua² jawatan ini, ia-itu Ketua Angkatan Tentera Laut dan Udara akan di-gantikan oleh Pegawai Malaysia pada hujung tahun hadapan (*Tepok*).

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya rasa atas keputusan Kerajaan dan Menteri Pertahanan untuk menggantikan Ketua Angkatan ini dalam tahun hadapan patut-lah kita menyampaikan sa-kalong bunga raya (*Tepok*). Dan ini akan menambahkan

lagi galakan semangat di-kalangan pegawai² Angkatan Bersenjata kita yang menghadapi tugas mereka yang bertambah² besar pada masa ini, kerana sa-benar-nya kadang² sa-tengah² pegawai dagang ini ada² masa sa-tengah²-nya bersikap tidak patut dan saya suka menyatakan satu yang berlaku dalam masa beberapa hari yang lalu dalam satu ujian kepada sa-orang pilot anak Malaysia yang lulus daripada Maktab Penerbangan Tentera di-Masir. Ujian yang di-berikan kepada-nya terlalu berat yang di-jalankan oleh sa-orang pegawai dagang dan perkataan yang di-keluarkan-nya biar-lah kita tengok apa orang Suez Canal ini boleh buat. Jadi, rasa dendam-nya kepada Suez Canal itu di-bawa² kepada dalam tentera kita akan mengakibatkan perkara yang tidak baik.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, untuk keterangan, saya silap tadi, ia-itu Ketua Angkatan Tentera Laut dan Udara akan di-gantikan dengan Pegawai Malaysia pada hujung tahun ini bukan tahun hadapan (*Tepok*).

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya rasa oleh kerana masa chepat sa-tahun, maka kalong bunga di-tambah lagi satu (*Ketawa*).

Perkara yang ketiga saya hendak bawa, Tuan Pengerusi, ia-lah perkara tentang jawatan guru² ugama dalam tentera berhubung Butiran (24), (43), (61) dan (65). Sa-benar-nya sa-kali kelulusan guru² ugama dalam tentera ini sangat penting sa-kali daripada segi moral dan dari segi menguatkan semangat-nya sa-bagai perwira dan parajurit. Tetapi menurut sekim yang ada sekarang, Nazir Ugama mempunyai sekim B 40 ia-itu daripada \$329 sampai \$516—mati. Guru Ugama Kanan, daripada \$235 hingga \$308. Jumlah guru² semua-nya yang ada termasuk Nazir, Guru Ugama Kanan, guru ugama laki² dan perempuan ada sa-banyak 48 orang. Saya merasa perhatian yang lebeh berat patut di-berikan kepada kedudukan guru² ugama tentera ini, kerana pasokan tentera—angkatan tentera dan guru² ugama dan pegawai² tentera, memang patut di-beri asohan² ugama yang di-beri itu bukan sa-takat hanya

mengetahui perkara yang wajib yang fardhu—chara sembayang dan sa-bagai-nya sahaja, harus di-pertinggikan semangat kesedaran dari segi ugama ini ka-hati mereka itu.

Dan pada masa ini Kerajaan Persekutuan sendiri telah ada memberi biasiswa kepada pelajar² ugama untuk mengambil kelulusan tinggi ugama di-Masir sampai kelulusan M.A. atau atas daripada itu lagi dan sa-tengah²-nya telah balek. Saya rasa kedudukan orang² ini patut di-gunakan di-dalam jawatan guru² ugama tentera ini dan kelulusan orang menjadi Nazir Ugama Tentera bukan sahaja kelulusan biasa di-sini tetapi kelulusan yang tinggi—yang satimpal dengan perkembangan yang ada sekarang ini supaya satu sukatan pengajaran ugama yang lebeh terator dan lebeh moden dapat di-beri kepada Angkatan Bersenjata kita. Dan dengan yang demikian maka mereka itu boleh-lah di-beri commission dalam tentera supaya kedudukan mereka lebeh di-hormati oleh pegawai² Kerajaan yang lain, commission sa-bagai major atau captain menurut tangga gaji mereka yang harus di-ubah menurut kelayakan mereka yang ada. Saya rasa dengan yang demikian, dengan memberi perhatian yang lebeh besar kepada segi ini akan banyak keuntungan kepada kita dan akan menaikkan lebeh lagi moral Angkatan Bersenjata kita.

Saya maseh ingat pada masa saya di-Cairo—di-Masir—pada masa saya belajar di-sana salah sa-orang guru ugama dari Indonesia dalam tentera, oleh kerana barangkali di-pileh orang yang agak baik sadikit telah di-hantar ka-Masir menjadi Attache Kebudayaan. Jadi orang yang calibre samacham itu harus kita galakkan, kita masokkan ka-dalam jawatan guru² ugama tentera kita ini supaya dengan demikian kita menambahkan moral dan pengajaran ugama dan semangat keperwiraan mereka itu. Satu segi yang harus di-ajar kepada Angkatan Tentera ini ia-lah sejarah pahlawan² Islam kita sendiri; ada banyak segi sejarah perjuangan Islam ini yang terpendam, yang harus di-beri ajaran atau kursus atau penerangan, penjelasan yang panjang kepada Angkatan Ber-

senjata kita sa-bagai menjadi puncha insiperasi (inspiration), puncha ilham, puncha menambahkan semangat mereka itu dalam menjalankan tugas mereka sa-bagai perwira tanah ayer.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian di-dalam Kementerian Pertahanan ini, dan saya suka-lah bersama² dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menguchapkan terima kaseh kepada pasokan² tentera kita, khas-nya kepada Askar Melayu di-Raja, yang telah memberikan khidmat-nya yang chemerlang di-Kelantan dalam masa berlaku banjir baharu² ini.

Tuan Pengerusi, sa-penoh ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan tadi ada-lah amat menggembarakan sa-kali tentang hendak di-perbesarkan pasukan tentera darat kita, hendak memberi latehan² yang baik dan kelengkapan² yang moden. Ini ada-lah satu berita yang amat menggembarakan sa-kali dan ini-lah selalu yang telah di-suarkan oleh semua pehak, baik dari pehak kami dan baik daripada pehak Kerajaan, supaya Angkatan Tentera kita ini tidak perlu menunggu, sama ada negara kita ini sedang bermusohan atau pun tidak, tetapi sa-patut-nya Angkatan Tentera kita ini selalu berada dengan waspada dengan chukup terlatah dan lebeh perlu di-banyakkan lagi supaya. Tuan Pengerusi, tidak menjadi saperti yang lepas² sa-telah negara kita ini di-ancham oleh pehak musuh baharu-lah kita tergesa² hendak menyiapkan diri, itu ada-lah memakan masa dan nasib baik benar negara kita ini belum lagi diserang.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri hendak membesarkan kedudukan tentera kita ini dan bagi saya, saya lebeh suka kalau boleh kedudukan Askar Melayu di-Raja yang ada sekarang ini, ini-lah yang patut di-besarkan, askar² yang lain itu di-diamkan dahulu, atau pun di-nantikan dahulu, dan Askar² Melayu di-Raja yang ada sekarang ini di-besarkan sa-hingga boleh menjadi berpuluh² battalion.

Tuan Pengerusi, satu daripada chara hendak membesarkan Askar Melayu di-Raja ini, pada pendapat saya, ada lebih baik Tentera² Wataniah yang sudah pun berlateh sedikit sa-banyak itu dan yang sedang berkhidmat sekarang ini di-masokkan ka-dalam Askar Melayu di-Raja menjadi sa-bahagian atau pun terus di-hapuskan Tentera Wataniah ini di-jadikan mereka yang telah mendapat latehan dalam Tentera Wataniah itu sa-bagai Askar Melayu di-Raja. Ini ada-lah lebih baik daripada berpechah² tentera dalam kedudukan negara kita ini.

Tuan Pengerusi, dalam masalah membeli alat² kelengkapan perang, saya bersetuju membeli ini tidak daripada satu negara saperti di-Great Britain sahaja, beli ini daripada semua negeri² kalau boleh mithal-nya kalau negeri kominis itu boleh memberi offer kepada kita lebih murah, kita beli daripada negara kominis; itu tidak menjadi halangan. Dan sa-patut-nya apa yang di-buat sekarang ini memberikan aneh kalau di-chakapkan ini orang akan mengatakan aneh. Mithal-nya kita sekarang berkehendakkan kapal terbang jet, mengapa tidak kita tender dalam surat² khabar dunia, kita minta Kerajaan mana yang hendak memberi, menjual kapal terbang itu dengan harga yang paling murah dan dengan Kerajaan yang paling murah itu-lah kita minta, saya perchaya kalau Russia-lah hendak menjual 10 biji dia akan hadiah satu biji lagi.

Tuan Pengerusi, selalu-nya apabila kita membeli satu² barang daripada sa-sabuah negara selalu-nya dan lazim-nya, saya tidak mengatakan senentiasa, saya mengatakan biasa-nya kita di-tipu, kita di-tipu dengan segokkan barang² yang mesti di-beli dan kadang² barang itu tidak sampai beberapa lama sudah pun rosak, boleh dinafikan oleh pehak Kerajaan tetapi benda ini memang berlaku dan kerosakan ini berlaku tidak sampai dua tahun kita menggunakan barang² itu.

Tuan Pengerusi, begitu juga dalam masalaah berlateh. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri Pertahanan berlateh hendaklah lebih banyak dan satu lagi saya

minta ia-itu kalau boleh jangan-lah di-hantar ka-sabuah negeri sahaja, sa-patut-nya kita hantar ka-negeri² lain, ka-negeri Timor Tengah—Masir kalau boleh—hantar ka-mana² negeri sahaja melateh dan bila mereka balek berkhidmat kapada tanah ayer ini, mereka akan berlumba² menunjukkan kelebihan yang mereka pelajari di-negeri di-mana tempat mereka berlateh itu.

Tuan Pengerusi, kita bersetuju dalam hendak membesarkan Angkatan Tentera Darat kita, Angkatan Laut dan Angkatan Udara kita—ini kita bersetuju, kita bersetuju dan sama² telah memberi terima kaseh kapada khidmat tentera² kita kapada negara ini baik dalam masa konfrantasi, mereka itu-lah yang berada di-medan yang paling depan sa-kali, tetapi sa-patut-nya pehak Kerajaan sudah pun menimbangkan kedudukan pendapatan mereka, kedudukan gaji mereka, kedudukan tempat kediaman mereka dan kedudukan bagi anak² family mereka. Ini-lah benda yang patut lebih dahulu sa-belum di-besarkan kedudukan tentera kita itu sa-patut-nya pehak Kerajaan lebih dahulu membetulkan kedudukan tangga gaji pasokan tentera kita supaya jangan ada perbedzaan yang begitu jauh di-antara anak negeri ini sendiri dengan tentera² yang mendatang, walau pun kebanyakan tentera² yang mendatang itu tidak di-bayar gaji oleh kita, tetapi kedudukan mereka itu, Tuan Pengerusi, ada-lah amat berbedza sa-kali dengan ra'ayat negeri ini.

Kita perchaya dalam mempertahankan maruah negara ini anak watan negeri ini sendiri-lah yang lebih ta'at setia-nya daripada orang yang mendatang yang sa-mata² mendapat gaji untuk mempertahankan negara ini. Mereka, kalau tidak ada gaji mereka akan lari, tetapi anak watan negeri ini-lah yang akan mati mempertahankan negara ini lebih dari orang lain sa-kali, sa-patut-nya kapada orang² ini-lah yang kita memberikan layanan yang sa-wajar yang baik dan tidak ada guna-nya kita memberi mereka paku², tembaga atau besi yang menyebabkan mereka hendak berjalan pun berat. Lebih baik kita beri timbangan gaji yang baik, dan satu

perkara yang saya dapat tahu, Tuan Pengerusi, dalam tentera British kedudukan gaji ini di-ubah tiap² dua tahun sa-kali; di-ubah sama ada di-naikkan sedikit-kah, banyak-kah—itu bukan soal, tetapi tiap² dua tahun sa-kali kedudukan gaji mereka di-ubah, tetapi malang-nya benda seperti ini tidak berlaku dalam pasokan tentera kita. Tentera kita, gaji mereka telah di-ubah semenjak tahun 1957 dan sa-lepas daripada tahun 1957 itu, kalau tidak silap saya, belum pernah sa-kali pun di-ubah dan tahun 1957 sampai sekarang ini sudah 10 tahun.

Tuan Pengerusi, perkara yang lain ia-lah kedudukan rumah² bagi famili askar², perajurit kita yang mempunyai famili. Rumah yang telah disediakan oleh Kementerian Pertahanan, atau pun oleh Kerajaan, ada-lah tidak lebeh, atau lebeh² pun hanya 30% atau pun 35%. Ini amat-lah merunsingkan atau amat-lah mendukachitakan sa-kali. Sa-patut-nya ini-lah, saya sedar bagaimana kekurangan wang hendak menyiapkan semua sa-kali—tidak boleh, tetapi sa-patut-nya layanan seperti ini di-beri pertimbangan yang perlu, yang lebeh daripada yang lain², dan masalaah elaan sewa rumah, ini juga ada-lah amat tidak baik sa-kali, ia-itu tiap² sa-orang dia dapat lebeh kurang \$20 hingga \$30 sewa rumah bagi seldadu biasa.

Tuan Pengerusi, bagi orang² atau askar² kita yang tinggal di-luar bandar, seperti di-Pantai Timor alham duli-Allah, \$30 ini akan mendapat rumah yang cukup baik, yang mempunyai tiga atau empat kamar dengan semua keperluan yang cukup, tetapi bagi seldadu yang tinggal di-tengah² kota seperti di-kota Kuala Lumpur ini \$30 tidak-lah ka-mana; untuk menyewa sa-buah bilek pun memerlukan \$60 atau pun lebeh daripada itu.

Tuan Pengerusi, ini-lah saya harapkan dan apa yang saya dapat tahu, boleh jadi benar. Kebanyakan daripada rumah² haram di-sekitar Kuala Lumpur ini ada juga di-dapati yang didirikan oleh tentera² kita, kerana mereka tidak mampu untuk menyewa rumah, mereka terpaksa mendirikan rumah² haram itu.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara yang mustahak juga ia-itu kedudukan tentera² kita ini akan berpindah dari satu tempat ka-satu tempat. Mungkin pada tahun ini mereka berada dalam Malaysia Barat dan mungkin pada tahun depan mereka akan pergi ka-Malaysia Timor. Sa-patut-nya Kerajaan sudah pun lama membuat ia-itu asrama bagi anak² tentera kita yang sudah tentu tentera kita bila di-pindahkan ka-mana² negeri sudah tentu kalau mereka membawa pindah anak mereka bersama, sudah tentu-lah pelajaran anak itu akan terganggu. Chuba jadi kita, sa-bagai tuan² dan sa-bagai saya sudah tentu kita tidak mahu anak kita itu menjadi orang yang tidak berguna, bagitu-lah juga tentera² kita, mereka mahu anak² mereka itu menjadi manusia yang berguna, kalau tidak lebeh daripada bapa-nya itu pun, tetapi tidak-lah kurang. Sebab itu mereka mahu anak² mereka itu cukup pelajaran boleh di-hantar ka-sekolah dari rendah sa-hingga sa-tinggi²-nya, tetapi kalau mereka selalu berpindah maka terganggu-lah pelajaran anak² mereka.

Tuan Pengerusi, saya harap pehak Kementerian ini menyediakan asrama² yang sa-cukup-nya bagi anak² tentera kita.

Perkara yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, ia-itu-lah *term of service*—jangka perkhidmatan, sa-orang tentera baru yang baru masuk umur mereka sekarang 23 tahun, mereka berkhidmat *term* yang pertama sa-lama 10 tahun, *term* yang kedua 15 sa-hingga 18 tahun, *term* yang keempat 18 hingga 21 tahun. Mengikut Undang² atau pun mengikut peraturan yang ada dalam Pertahanan Negara kita ini hanya beberapa peratus sahaja orang² yang sudah berkhidmat ini akan di-sambong balek, barangkali dalam 30% sahaja orang² yang sudah berkhidmat peringkat yang kedua ini yang boleh diterima dan 70% lagi itu akan di-berhentikan.

Tuan Pengerusi, apabila mereka sudah berkhidmat sampai empat *term* umur mereka sudah menjadi 45 tahun, mereka di-berhentikan dengan tidak ada atau dengan tidak tahu ka-mana² mereka hendak pergi. Betul, pehak

Kerajaan atau pehak Kementerian Buruh, pehak Kerajaan, telah menimbangkan, memberi keutamaan. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pagi tadi pun telah mengatakan kita memberi pertimbangan kepada Bekas² Pasokan Keselamatan untuk membuka tanah dan pekerjaan² yang lain, tetapi sa-jauh mana dan sa-banyak mana-kah dapat di-beri pada tiap² tahun oleh Kerajaan ini pada orang itu. Saya tidak menapikan Kerajaan ini ada membuat sa-suatu—tetapi sa-suatu yang di-buat itu sa-jauh mana dapat memberi layanan kepada 70% yang keluar pada tiap² tahun sa-lepas 45 tahun mereka berkhidmat ini. Ini-lah kedudukan, Tuan Pengerusi, saya bersetuju melihat tentera² kita ini kuat, sebab itu saya suka, saya menhadangkan supaya Askar Melayu di-Raja itu di-tambah sa-hingga menjadi berpuluh² battalion lagi, supaya kita tetap kuat untuk mempertahankan negara kita ini. Sebab itu saya mengatakan saya tidak membangkang perbelanjaan ini, pada tahun yang lepas pun saya menyatakan, dan saya minta pehak Yang Berhormat Menteri Pertahanan supaya belanja *Budget* bagi Pertahanan ini hendak-lah di-tambah kalau boleh di-lebihkan daripada yang lain², saya bersetuju, dan keadaan yang saya berchakap itu ialah kelemahan² yang berlaku sedikit sa-banyak dalam keadaan Pertahanan Negara kita ini. Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya juga suka hendak berchakap sedikit dalam S. 16 ini, peruntukan sa-banyak \$250 million yang di-untoakan kepada Kementerian Pertahanan. Peruntukan ini saya sokong oleh sebab pada masa yang lampau telah membuktikan yang peruntukan yang begitu banyak yang kita beri kepada tentera kita, kepada Kementerian Pertahanan, maka kerja² yang telah di-jalankan sangat memberi puas hati, terutama sa-kali Tentera Udara kita, pada penyiasatan saya pada masa yang lampau ini ia-itu pada masa kita di-alami oleh benchara ayer, mereka² telah menjalankan kerja yang selalu-nya di-jalankan sa-lama enam bulan tetapi mereka dapat jalankan dalam masa 13

hari, mereka telah menjalankan tugas yang telah mereka jalankan sa-lama enam bulan.

Maka ini-lah saya katakan kecekapan mereka itu dan sesuai dengan perbelanjaan² yang telah kita berikan itu. Jadi, saya rasa kita tidak-lah boleh melupakan atau pun tidak-lah kita lupakan mereka ini atas jasa² yang telah mereka jalankan itu. Begitu juga dalam perkara lain, kecekapan mereka yang saya dapat tahu mereka² ini boleh bergerak dengan chepat, baik Tentera Udara kita, baik Tentera Laut kita, baik Tentera Darat kita. Ini-lah kecekapan² yang telah dapat daripada latehan dengan wang yang begitu sedikit di-berikan kepada mereka² itu. Jadi, saya perchaya pertahanan negara kita chekap, sentiasa waspada.

Dalam pada itu pun, pada masa hadapan, saya patut juga memberi sedikit fikiran. Pada pendapat saya, Tentera Udara kita yang ada pada masa ini boleh di-katakan sudah berumor, kebanyakan ada alat² yang sudah kita beli dalam enam, tujuh tahun dahulu. Dan juga kebanyakan Tentera Udara kita pada masa ini menjalankan tugas² *Civil* sahaja, tetapi belum lagi kita ada Tentera Udara yang sa-bagai perjuangan, sunggoh pun rasa saya ada dua, tiga tetapi tidak-lah memadai. Jadi saya perchaya-lah, tentu ada dalam chadangan² Kerajaan supaya Tentera Udara kita di-lengkapkan dengan perkakas moden ia-itu dengan *jet plane*, atau pun *Turbo Jet* pada masa ka-hadapan. Juga, saya dengar pada angin² atau tujuan² Kerajaan, untuk mengadakan perkara ini yang mana ini-lah rasa saya sangat mustahak pada masa ini. Saya katakan mustahak, kerana di-Tenggara Asia kita ini, sa-telah keadaan kita pada masa ini ia-lah keadaan yang kechemasan, terutama sa-kali perkara² yang terjadi di-Vietnam pada masa ini. Kita tidak mahu-lah kita terperangkap atau kita tidak dapat menghadapi keadaan masa, sa-bagaimana Kerajaan British mengalami pada masa dahulu, sa-masa Kerajaan Jepun melanggar kita, mereka alpa hal menjaga negara itu. Jadi, rasa saya dengan keadaan Tentera Udara yang ada pada masa ini, belum lagi

dapat mencegah perkara yang akan terjadi yang tidak di-ketahui.

Jadi, saya harap mendapat perhatian, dan saya percaya Dewan ini tidak akan menahan atau pun tidak akan tak bersetuju, jikalau tentera, Menteri Pertahanan kita meminta wang² lagi untuk menambah kekuatan Tentera Udara kita ini. Rasa saya pada masa ini Tentera Udara-lah yang agak mustahak tiap² satu negeri. Kalau Tentera Udara kita chekap maka segala anasir² yang dalam negeri atau luar negeri akan terchegeh membuat perkara² yang tidak di-ingini dalam negara kita.

Dan satu perkara lagi saya minta perhatian daripada Menteri Pertahanan ia-itu satu perkara yang kechil sahaja bagaimana dengan hal perkhidmatan kapada askar² kita pada anak² mereka yang hendak pergi ka-sekolah. Jadi, saya harap dapat perhatian sedikit, kerana apa, pada masa ini *transport* ia-itu menghantar anak² mereka daripada berek² mereka ka-sekolah, tempat yang jauh, jarang di-adakan. Saya tahu di-Tentera Udara kita di-Ibu Kota ini tidak ada, masing² itu terpaksa menghantar-nya masing². Jadi, saya harap dapat perhatian.

Yang kedua, di-Mentakab saya perhatikan anak² tentera kita berjalan ka-sekolah menggunakan lori², yang mereka dudok, tidak-lah elok. Jadi, saya harap dapat-lah kira-nya sa-bagaimana tentara² lain, tentera bangsa asing, yang saya perhatikan tentera British mengadakan bas² khas kapada anak² mereka. Jadi, ini rasa saya untuk persesuaian jangan di-pandang oleh orang ramai, tentera kita begitu keadaan-nya dan tentera Inggeris, sungguh pun kita tahu Tentera Inggeris itu dia ada duit lebeh banyak, tetapi rasa saya untuk *prestige* tentera kita patut di-samakan dengan tentera mereka itu mendapatkan perkhidmatan ini. Rasa saya tidak-lah banyak belanja-nya untuk mengadakan bas² khas pada budak² sekolah ini.

Bagitu juga berkenaan rumah ini tadi juga, kalau dapat di-adakan satu chara, ia-itu yang askar² kita ini di-edarkan tidak-lah lama di-tempat² lain sa-umpama-nya di-base dia di-Port

Dickson, atau pun di-Mentakab—mereka² ini di-pusing tidak lama meninggalkan rumah masing². Kalau lama, terpaksa mereka ini membawa family²-nya keluar, dan oleh sebab itu mereka² itu, kita perhati-lah, dapat menyewa rumah yang tidak sesuai dan tidak patut bagi tentera kita dudok di-rumah² itu. Tetapi oleh sebab family, ia-itu sebab anak² mereka, mereka terpaksa membawa mereka ini bersama² di-mana² tempat mereka berhenti. Jadi, kalau kita ada pusingan yang tetap, ia-itu kira² tiga atau enam bulan balek mereka ka-base-nya, ini tidak timbul, rasa saya. Jadi, ini pun yang sedang merunsingkan kebanyakan tentera² kita terhadap family² mereka yang terpaksa mereka bawa dan dudokkan di-tempat² yang tidak sesuai. Dengan itu, saya sa-kali lagi memberi ucapan tahniah kapada seluruh tentera udara dan laut kita yang telah berkhidmat dengan baik, chergas untuk mempertahankan negara kita. Terima kaseh.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam perbahathan di-bawah Kepala S. 16 ini. Perkara yang pertama yang saya ingin berchepak ia-lah berkenaan dengan satu perkara yang jarang diterangkan di-Kementerian, dan yang boleh jadi perkara ini telah pun dibuat, tetapi dengan tidak sa-tahu orang ramai. Pada fikiran saya, nampak-nya tentera kita terlampau berat dengan mengadakan Pasokan² Infantry atau pun Pasokan Berjalan Kaki dan kurang berkenaan dengan pasokan² yang di-adakan di-dalam tentera² yang moden di-negara² yang lain. Pada masa sekarang ini kita tahu chara² peperangan telah bertukar dan apa yang di-kehendaki yang lebeh lagi ia-lah *mobility* atau pun senang-nya memindahkan tentera² daripada satu² tempat ka-satu² tempat. Kalau-lah kita dapat membawa tentera kita ka-mana² tempat dengan chepat, kita ta' usah mengadakan tentera yang besar. Tetapi yang patut kita adakan ia-lah tentera yang chukup lengkap yang boleh dibawa ka-mana² tempat yang mana telah ada pertemporan. Jadi, saya memikirkan lebeh patut-lah Kementerian Pertahanan menimbangkan supaya kita

mengadakan lebih lagi tentera yang boleh di-katakan "special strike force" yang berlateh bukan sahaja berkenaan dengan peperangan di-atas darat, tetapi seperti mana kita tahu, telah di-adakan di-dalam tentera Indonesia, ia-itu tentera gerak-ccepat, atau pun di-lain² negeri di-katakan commando, ia-itu tentera² yang boleh mengambil bahagian di-dalam semua peperangan. Kalau di-kehendaki mereka ini mendarat daripada laut juga mereka boleh, mendarat daripada udara juga mereka boleh, dan daripada darat sendiri mereka boleh pergi ka-mana² tempat. Dan mereka ini patut-lah di-beri training di-dalam semua chara² peperangan dan menggunakan sa-barang alat² moden. Dengan ada-nya "strike force" yang sa-macam ini, dapat-lah kita mengurangkan bilangan tentera kita, tetapi *effectiveness*-nya, ia-itu kegunaan-nya dapat di-lebihkan lagi.

Pada masa sekarang ini juga, saya perhatikan, ia-itu kebanyakan daripada infantry ini ia-lah ada-nya di-dalam Askar² Melayu di-Raja. Lain² pasokan, ia-itu umpama nya Pasokan Engineers, Artillery, tidak banyak di-dalam Askar Melayu di-Raja. Saya menhadangkan supaya Askar Melayu di-Raja juga di-berikan training sabagai engineers, artillery men dan lain² training berkenaan dengan chara² peperangan moden.

Berkenaan dengan soal training juga, saya perchaya sa-belum konfrantasi dahulu, kita biasa menghantar orang ka-Indonesia untuk berlateh menjadi pilot. Ada sa-tengah daripada pelateh² yang kita hantar ka-Indonesia ini ia-lah orang yang telah di-tolak di-negara kita sendiri, ia-itu sa-bagai tidak ber-kelayakan menjadi pilot, tetapi mereka ini sa-sudah di-lateh di-Indonesia dapat lulus dan menjadi pilot, dan saya tahu sa-orang daripada-nya sekarang ini berkhidmat di-dalam Malaysian Airways atau pun M.S.A. Saya minta supaya Menteri Pertahanan menimbangkan sa-mula, supaya dapat kita menghantar lagi budak² yang ber-kelayakan ka-Indonesia untuk berlateh di-dalam tentera udara.

Latehan ini bukan sahaja untuk tentera kita, tetapi kita patut-lah

memikirkan, ia-itu pada masa² yang akan datang kita berkehendakkan juga pilot², pemandu kapal² terbang Sharikat Penerbangan yang kita akan adakan. Dan dengan ada-nya training yang samacham ini, dapat-lah kita memenohi tempat² yang akan kosong pada masa yang akan datang.

Satu lagi perkara yang menarek perhatian saya ia-lah tentang doktor² yang bekerja di-dalam tentera kita. Nampak-nya kebanyakan daripada doktor² ini bukan-lah orang daripada Malaysia tetapi orang yang di-pilih daripada luar, oleh kerana kita kekurangan doktor². Kekurangan ini bukan sahaja-lah di-dalam tentera, tetapi juga di-dalam semua perkhidmatan Kerajaan. Tetapi, saya fikir, kalau-lah Kementerian Pertahanan mengadakan biasiswa yang khas untuk melateh orang² kita menjadi doktor yang akan berkhidmat di-dalam tentera kita, maka dengan chara ini dapat-lah kita memenohi jawatan² perubatan yang ada di-dalam tentera kita. Saya fikir ini ia-lah satu perkara yang mustahak yang mana kita ta' dapat sa-lama²-nya bergantung kapada orang² asing untuk menjadi doktor² di-dalam tentera kita. Terima kaseh.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka-lah mengambil bahagian berchakap sadikit dalam Kementerian Pertahanan ini. Saya menyokong atas perbelanjaan ini, tetapi pada pendapat saya sangatlah kurang. Kerana, satu daripada-nya, bagaimana yang di-terangkan oleh Menteri Pertahanan tadi berhubung dengan Askar Wataniah—patut-lah Askar² Wataniah yang telah berhenti itu dapat bayaran sagu hati kerana jasa-nya dalam menjalankan tugas dalam masa dharurat.

Tuan Pengerusi, saya berchakap S. 16 ini, saya teringat ucapan bagi pehak Pembangkang dalam ucapan dasar permulaan persidangan ini. Saya perhatikan di-hadapan kita pula parti² Pembangkang yang menentang berhubung dengan perbelanjaan Kementerian Pertahanan ini, ta' ada sa-orang pun, terutama daripada Parti D.A.P., nampak dia takut pada tentera.

Tuan Pengerusi, saya sendiri salah sa-orang yang memberi pujian dan satinggi² terima kasih kepada tentera kita yang telah membuat jasa kepada negara. Chontoh apa yang telah dikatakan oleh Parti Pembangkang yang di-takuti-nya kepada tentera itu telah pun berlaku di-Indonesia sekarang. Kalau-lah tidak ada askar, atau tentera di-Indonesia, kominis telah mena'aloki Indonesia pada hari ini. Agak-nya itulah yang di-takuti oleh pihak² parti Pembangkang ini, ia-itu takut

Mr Chairman: Tumpukan-lah perbahathan tuan dalam perkara Kementerian ini. Jangan-lah takut-menakut, ta' usah bawa itu.

Tuan Abdul Karim bin Abu: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini saya berharap-lah bagi pihak Pembangkang tidak takut kepada tentera.

Tuan Pengerusi, pada muka 171 berhubung dengan Pelajaran, Pechahan-kepala 7. Saya juga menyokong rakan saya tadi, patut-lah kalau dapat askar² kita ini di-beri latihan ka-Indonesia, kita bertukar² pegawai dengan Indonesia bukan sahaja bertukar, saya berpendapat sampai masa-nya nanti kita akan bersatu dengan tentera Indonesia dan bukan sahaja bersatu, tetapi kita kalau boleh Sabah dan Sarawak ini bersatu dengan kita, mengapa dengan Indonesia kita tidak boleh bersatu.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan nombor Pechahan-kepala 8—Belanja Mengambil Orang Baharu. Saya suka-lah memberi pandangan, kerana selalu pengambilan orang² baharu ini dikehendaki kelulusan yang paling tinggi. Jadi, anak² Melayu kadang² terchichir dalam bahagian tentera ini. Saya harap dapat-lah di-longgarkan lagi syarat² walau pun hendak jadi pegawai.

Tuan Pengerusi, dalam latihan melateh tentera² darat, laut dan udara ini, saya juga menyokong apa yang di-chadangkan, yang di-bayangkan oleh sahabat saya tadi, patut-lah kita—nombor 9, nombor 10 dan nombor 11—ini, Tuan Pengerusi, kita memberikan latihan kepada bakal² tentera kita ini mengikut keadaan negeri kita, tetapi apa yang saya maksudkan tentera kita

ini ia-itu askar biasa, saya perhatikan gaji dia chuma \$54.05 sahaja. Ini saya harap supaya dapat bagi pihak Menteri menaikkan lagi gaji askar biasa ini.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya berchakap sedikit dalam masa-lah S. 16 ini. Saya suka menarek perhatian, saya hendak berchakap dalam S. 16, Butiran (1). Saya men-chadangkan kepada Kerajaan supaya mengadakan Kubu Pahlawan. Kita tahu pahlawan kita sekarang ini banyak yang berjasa, berjasa kepada negeri dan negara kita ini dan telah banyak menunjokkan bukti ka-agongan dan kemegahan kepada tentera kita ini. Jadi, jikalau kita melawat negeri luar ka-Philippines umpama-nya, atau pun ka-Indonesia, kita dapati ada Kubu Pahlawan. Jadi, ini satu ingatan kita yang baik kepada tentera kita, jikalau kita membuat satu kawasan kepada Kubu Pahlawan kita yang berjasa kepada negeri dan negara kita ini, sunggoh pun sekarang ini, saya fikir tidak ada waktu, atau masa, tetapi ini menunjokkan satu ingatan kita yang ta' lupa kepada perkhidmatan tentera kita. Saya harap chadangan ini akan di-pertimbangkan oleh Kerajaan.

Jadi, masa-lah askar² kita sekarang ada yang Islam, ada yang bukan Islam. Itu soal tidak berbangkit. Kita serahkan kepada pegawai kita, akan menentukan kedudukan-nya. Jadi, pada Hari Ulang Tahun Sambutan Tentera umpama-nya, kita menziarahi baik orang persa-orangan, atau pun sa-bagai-nya. Jadi, ini pun satu tanda Kerajaan negara kita ini mengingati kepada tentera, kepada orang yang telah ta' ada, tetapi telah berjasa kepada negara dan negeri-nya.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh sedikit dalam masa-lah askar kita yang meninggal dunia dalam masa perchutian. Sa-panjang yang kita tahu, tentera kita dapat sagu hati. Jikalau dia menempoh kematian dalam masa dia menjalankan tugas, atau pun dalam masa, lebeh tepat, dalam masa dia memakai baju perkhidmatan-nya, tetapi berlainan dengan pegawai² Kerajaan

yang lain, jikalau sa-orang pegawai yang di-izinkan dia berchuti, jikalau dia kena kemalangan, kematian, dia akan tentu dapat sagu hati sa-kurang²-nya satu tahun gaji. Kapada tentera bila dia berchuti, walau pun dia hendak balek kapada kem tempat dia berkhidmat itu, sampai hukum dia meninggal dunia; ini ta' dapat sagu hati pada tentera itu. Boleh-lah, Tuan Pengerusi, di-betulkan oleh Yang Berhormat Menteri, kalau saya silap, tetapi saya baharu dapat aduan daripada orang² kita yang mengatakan chara yang berlaku pada pegawai periman ta' ada pada kaki-tangan, atau pada askar. Jadi, dengan ini, saya minta pertimbangan kapada Yang Berhormat Menteri supaya memikirkan sagu hati kapada askar kita yang meninggal dunia dalam masa dia berchuti sedangkan chuti itu dibenarkan oleh pegawai yang bertanggung jawab.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentoh Butiran 103—Jenderal. Negeri kita ini ada sa-orang Jenderal penoh sahaja; satu Leftenan Jenderal dan satu Mejar Jenderal. Saya menhadangkan kapada Kerajaan supaya pangkat Jenderal ini di-tambahkan. Malu kita pada dunia, ada hari ini Jenderal dalam Tanah Melayu, atau Malaysia ini satu sahaja, Leftenan Jenderal satu, Mejar Jenderal satu. Kita tidak hendak mengambal pandangan kita kapada di-negeri luar yang Sarjan pun boleh ambil jadi Jenderal, tetapi negeri kita ada orang yang berkelayakan, ada pegawai kita yang berkelayakan. Jadi, ini menunjokkan ta' ada langsung orang yang berupaya, berkebolehan bagi memenohi tempat Jenderal² yang saya chakapkan itu. Saya tidak tahu, barangkali ini satu rahsia, barangkali satu Jenderal ini lebeh baik, kalau banyak Jenderal nanti berlaga pendapat, barangkali pertukaran²; ini saya minta ma'af. Saya tidak tahu, tetapi saya fikir dalam segi pandangan saya, patut kita menambahkan.

Kita sa-kurang² patut ada satu Jenderal, yang tiga bintang pada masa sekarang ini sudah, kalau tak boleh lima bintang pun. Kita menghantar Leftenan Jenderal kita ka-Indonesia, pada hal ini boleh di-buat oleh Kolonel,

Berigedier. Jadi sekarang ini, saya mohon kapada Kerajaan menimbangkan supaya jawatan Jenderal ini di-tambah, Mejar Jenderal, Leftenan Jenderal pun patut di-pertambahkan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, oleh sebab memandang negeri kita sekarang ini menuju ka-arrah ke-amanan, jadi saya memohon kapada Kerajaan, kapada Menteri Yang Berhormat supaya pasokan jurutera diperbesarkan, bagi di-perbantukan kapada kerja² pembangunan. Kita tahu sekarang ini, Tuan Pengerusi, pasokan jurutera kita telah menjok dan melakukan kerja² pembangunan, ini, umpama membuat jalan raya di-Sabah di-Sarawak sana. Tetapi kalau kita banyakkan pasokan tentera kita ini dan pasokan jurutera perkhidmatan ini bagi di-masokkan untok perkhidmatan pembangunan negara. Saya fikir, kita dapat chepat lagi bagi pembangunan negara kita. Jadi, saya tidak-lah bermaksud supaya pasokan ini akan sentiasa sa-bagai sa-orang pembuka jalan raya, tetapi hendak-lah di-perbanyakkan bagi mengimbang pendapat dan kehendak ra'ayat negeri ini. Terima kaseh, Tuan Pengerusi.

Mr (Deputy) Speaker: Meshuarat ini di-tanggohkan sa-lama lima belas minit.

Sitting suspended at 5.25 p.m.

Sitting resumed at 5.45 p.m.

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair).

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, saya suka mema'alumkan ia-itu perbahathan di atas Kementerian ini akan saya tutup pada pukul 6.15 minit, dan 15 minit itu Menteri akan menjawab hujah² itu. Dari itu, Ahli² yang dapat peluang berchakap tolong-lah sa-bberapa ringkas supaya ramai Ahli² dapat berchakap.

Head S. 16—

Debate resumed.

Tuan Soh Ah Teck (Batu Pahat): Sir, I rise to support fully the Defence estimates for 1967. It is appreciated

that whilst Defence is a very expensive item on any nation's Budget, it is more so to a small country like ours, whose sole interest is to be left alone peacefully; yet it is regretted that we are unable to provide more funds to expand more rapidly our defence forces.

We have heard, Sir, how our Armed Forces, and the Police as well, have excelled themselves so conspicuously, courageously and unselfishly whenever our nation face imminent danger and in times of national disaster. Yet, Sir, it is regretted that a vast proportion of our people do not appreciate fully the services rendered by the various arms of the Forces. In this respect, Sir, I condemn the very many instances where certain political parties took advantage to disseminate false propaganda to mislead our people and discredit our Armed Forces.

Sir, I also have a very poor view of the very many young and able-bodied youths of our nation who, when called upon to serve in the National Service recently, made up stories and used false excuses to get exemption or to evade military training. This lack of civic consciousness and duty-mindedness to rise to the call of a country whose protection we all claim is both disgraceful and, if I may say so, disloyal. To inculcate a sense of duty to serve our country, Sir, may I suggest that the Government consider introducing military training to be included in the curriculum of all our secondary schools, so that our children could be brought up in the sense that serving one's country in uniform is both honourable and glorious. Thank you.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap kepada Kepala S. 16, muka 171, Pechahan-kepala 7—Pelajaran—sambanyak \$66,280. Tuan Pengerusi, didalam Dewan ini kita telah banyak mendengar pujian² yang telah di-beri kepada Angkatan Bersenjata kita, terutama sa-kali kepada perajurit² kita yang telah berjuang di-dalam masa konfrontasi yang telah lalu.

Jadi, Tuan Pengerusi, memandangkan kepada kechemerlangan dan jasa² yang telah di-buktikan oleh askar² kita, saya merasa ada-lah satu perkara yang harus di-pertimbangkan oleh Timbalan Perdana Menteri sa-laku Menteri Pertahanan ia-itu sa-bagai kita memperingati, sa-bagai kita menghargai jasa² perajurit kita yang telah mempertahankan negara dan tanah ayer-nya. Saya rasa sudah tiba-lah masa-nya bahawa askar² kita mulai daripada pangkat private sudah tentulah mereka itu mempunyai bebanan² terutama sa-kali di-dalam soalan memberikan pelajaran kepada anak² mereka.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya merayu dan meminta kepada Timbalan Perdana Menteri supaya memberi pelajaran perchuma dan buku² perchuma kepada anak² askar kita yang berpangkat private, saya rasa ini satu penghargaan yang lebih besar daripada kita membuat pujian² dan sa-bagai-nya terhadap askar² kita. Jadi oleh sebab itu-lah, Tuan Pengerusi, saya tidak hendak berchakap panjang lagi dalam perkara ini hanya saya merayu-lah sa-kali lagi kepada Timbalan Perdana Menteri sa-laku Menteri Pertahanan supaya mengishtiharkan bahawa anak² askar yang berpangkat private di-berikan buku² perchuma dan pelajaran perchuma kepada anak² mereka sa-bagai kenangan² dan jasa yang mereka korbakan untuk mempertahankan negara dan tanah ayer.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, dengan ringkas-nya saya turut berchakap sama di-bawah Head S. 16 ini. Saya juga bersama² dengan Ahli² Yang Berhormat yang lain menguchapkan tahniah kepada pehak angkatan tentera dan menyokong peruntukan yang diminta bagi Kementerian Pertahanan ini.

Tuan Pengerusi, apa yang hendak saya sebutkan dalam sa-patah dua ini ia-lah chara berfikir yang telah dilahirkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan ia-itu kita mustahak mengadakan satu angkatan tentera yang terlately supaya dapat kita menjaga keamanan negeri ini, dengan demikian kedudukan urusan yang lain pun akan

bertambah elok, maka dengan sebab itu-lah kita dapati ada bertambah sedikit perbelanjaan tahun ini. Kalau itu-lah di-maksudkan, Tuan Pengerusi, saya mengshorkan kepada Kerajaan kalau pun Tentera² Wataniah yang akan di-berhentikan kerja-nya atau pun yang telah di-berhatikan itu dapat dimasukkan di-dalam Askar Melayu oleh satu² sebab teknik askar, saya mengshorkan supaya di-adakan satu angkatan tentera pembangunan luar bandar yang orang² ini berkhidmat sebagai tentera dan mereka itu juga dapat membangunkan negeri, dengan demikian perbelanjaan kita bagi Kementerian ini tidak sahaja merupakan pertahanan yang tidak productive dari segi ekonomi tetapi juga merupakan satu projek productive.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya mengshorkan pegawai² yang bukan tentera ia-itu civilian post sa-tengah²-nya patut di-ubah kepada pegawai² tentera ia-itu jawatan tentera mital-nya Medical Officer dan begitu bagini. Ini boleh di-lakukan dengan istillah yang di-namakan military yang mempunyai aneka tujuan ia-itu multi-purposes. Boleh jadi sharikat atau pun espek ekonomi kita mempunyai apa yang di-sebutkan sa-bagai aneka tujuan tetapi di-dalam military juga, Tuan Pengerusi, boleh kita adakan. Jadi saya mengshorkan supaya perbelanjaan ini akan menjadi satu perbelanjaan yang productive wujudkan-lah satu angkatan pembangunan—Angkatan tentera pembangunan luar bandar yang mereka itu akan dapat memberikan khidmat yang berhasil dari segi ekonomi dan jawatan² civilian yang ada kena mengena dengan military di-militerikan jawatan² itu. Ini-lah satu daripada tujuan yang saya sebutkan supaya peruntukan bagi pertahanan ini tidak sa-mata² sa-bagai peruntukan pertahanan yang tidak productive.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Mr Chairman, Sir, I notice that a number of people both from the Alliance backbenches and from this side of the House have been heaping praises on the Ministry of Defence. I do not want to belittle or denigrate the efforts of the Ministry of Defence and of those

serving in our Armed Forces, but as a peace-loving citizen of this country I am naturally alarmed at the increase in our Armed Forces, particularly in relation to the national cake. I notice that we are spending 21.7% of the Ordinary Expenditure on the security of this country. I have mentioned before, Mr Chairman, Sir, that, perhaps, if we have more freedom in this country, the need for more security forces, whether in the Armed Forces or in the Police, will be less, so that instead of building more barracks we can have more homes, and instead of buying more bullets we can have more books.

Mr Chairman, Sir, a glance at the posts, which have been divided in these Estimates into Divisions A, B, C, D and E, will show that I have pointed out before, how too heavy the leadership of our Armed Forces is. Now, in Division A, we have a General, a Lieutenant-General, 9 Brigadiers, 6 Colonels and 33 Lieutenant-Colonels—and here, Sir, I am talking of the three Armed Forces as a whole—I am not referring merely only to the Army. In Division B, there is a Major-General, there are 5 Brigadiers, 9 Colonels and 48 Lieutenant-Colonels. Only in Division C, D and E there is a run down of our Armed Forces as a result of the ending of confrontation.

Mr Chairman, Sir, if you add up all these, you will find that in the Armed Forces we have a General, a Lieutenant-General, a Major-General, 14 Brigadiers, 15 Colonels and 81 Lieutenant-Colonels. Mr Chairman, Sir, seeing that the Army in this country is hardly 2 division strong, the Air-Forces is almost a token Force by accepted standards, and the Navy also is a token Force, I would say that, even allowing for Staff Officers who have to sit in air-conditioned rooms to look after administration and logistics and the like, and even allowing for various Staff Officers who have to serve abroad as Military Attaches, the provision of officers above the rank of Lieutenant-Colonel is top heavy. If it is postulated that we need to send Military Attaches abroad, then I do not see any reason why some of them cannot be of the rank of Major.

Mr Chairman, Sir, as I said, I am not against the provision of expenditure for our Armed Forces. The question that arises is, what is enough for a developing country? Obviously, Mr Chairman, Sir, if we go in for sophisticated things like missiles, the B. 52s, the thousands of helicopters that are being used in Vietnam, or even the "U.S. S. Forrestal", which is nuclear powered and which alone would swallow up many times over the Ordinary Budget of this country, or any other nuclear powered submarines, Mr Chairman, Sir, as I pointed out in this House, where technology is increasing at such a rapid pace, the arms that we buy today perhaps in a year or two will be obsolete by accepted modern standards, then we must decide for ourselves the sort of Armed Forces that we want in this country.

Before I go on further with this question of the Armed Forces, touching in connection with the various grades of officers, one notices that everytime the military is highlighted in the Press, it is the Tengku this who is General, it is the Raja this who is Lieutenant-General or Colonel. I do hope that the powers that be in this country will not only recognise the Tengku's and the Raja's as being suitable for top rank in this country, but I do hope that the Ministry of Defence also recognises that every ordinary soldiers, every private, carries a field marshal's baton in his knapsack. We have precedents of this in the British Army; in World War I Field Marshal Robertson rose up from the ranks, in World War II Field-Marshal Lord Slim rose up from the ranks to the rank of Field-Marshal. I have yet to see a person of humble birth rising to high office in our Armed Forces.

Touching, again, on the Armed Forces, I am told, for example, that the Minister of Finance has praised the Minister of Defence in being able to curb the avaricious appetites of his military advisers to \$250 million for this year. Nevertheless, this does not tally with what I gather. I gather that plans have been made for an Assistant Minister of Defence and that even his

office is being prepared, although provision is not made for him in these estimates. Mr Chairman, Sir, one would hope that with the financial stringency that faces this country, one would have to think very carefully on increasing expenditure of our Armed Forces.

Mr Chairman, Sir, what are the Armed Forces required for in any country? In any country we require the Police to take care of internal security and we have the Armed Forces to look after external aggression. Now, if one looks at Malaysia, who are our neighbours? To the south, well, confrontation has ended and we hope that we will yet sign a Treaty of Peace with Indonesia, so that we will have peace in our generation with Indonesia. To the north, we always have excellent relations with Thailand. Some of the leaders of this country have Thai Blood—so, we should not be afraid of Thailand. A little further north is Burma. Now, Burma in Asian context is about the most neutral country in Asia. So, Mr Chairman, Sir, what are our Armed Forces for?

Dr Mahathir bin Mohamed (Kota Star Selatan): On a point of clarification, Mr Chairman, Sir. Has the Honourable Member for Batu forgotten that we also have Communists in Sarawak and also on the border? He has not mentioned that.

Dr Tan Chee Khoon: I am just coming to that. So, what are our Armed Forces for? This bogey of Communism has been dangled before the public; Radio, Television, Suara Malaysia and what have you have always dangled this bogey and as long as the Alliance is in power, they will use this bogey of Communism not only to frighten the public but also to put those who are proving to be troublesome constitutionally behind bars.

Mr Chairman: Berapa lama lagi?

Dr Tan Chee Khoon: Dua, tiga minit lagi.

Mr Chairman: Saya hendak memberi peluang orang lain juga berchakap.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I just wish to conclude by saying that I notice from the Estimates that there are 24 medical officers in the Armed Forces. I do know that from time to time the Ministry has sent a few people abroad for training in medicine, which in the Armed Forces is a little different from the ordinary run of medicine that we know of. I wish to bring to the attention of the Ministry that unless the Ministry gives further avenues of promotion and of advancement to the medical officers in the Armed Forces, then perhaps we may get more resignations instead of more additions in the medical officers. Thank you.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun ini menyokong atas apa yang telah diucapkan oleh rakan² saya tadi, chuma saya hendak memberi perhatian didalam Kementerian Pertahanan ini, ia-itu terlebih dahulu saya menguchapkan tahniah yang tinggi kepada Menteri Pertahanan kita yang jarang Menteri² menjawat 3 jawatan dalam Cabinet. Sa-lain daripada Menteri Pertahanan, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Timbalan Perdana Menteri.

Yang kedua-nya saya suka menguchapkan tahniah kepada semua angkatan tentera kita yang menghadapi, dahulu menghadapi chabaran konfrantasi yang di-datangkan oleh Indonesia, kemudian daripada ini menjawab satu momokan kepada angkatan tentera kita yang mengatakan bahawa kira-nya tentera Commonwealth ini keluar daripada Malaysia Timor, maka tentera kita tidak boleh menghadapi kominis² dan Tentera Nasional Kalimantan Utara yang ada di-sana.

Sekarang segala keraguan itu telah di-jawab oleh askar kita—shabas. Apa yang di-hadapi sekarang mereka menghadapi memburu kominis, sama ada di-utara dan di-Malaysia Timor. Dengan mereka menghadapi kominis, menentang kominis yang hendak menche-roboh negeri kita ini, maka dapat-lah ra'ayat negeri ini dudok dalam aman dan dapat-lah ranchangan² di-jalankan bagi negeri ini.

Saya, Tuan Pengerusi, menyokong penoh atas penambahan askar ini dan saya mengutok satu pandangan yang mengatakan bahawa askar Melayu itu patut di-ubah. Mengubahkan Askar Melayu ini akan menghapuskan demokrasi yang hidup dalam negeri ini dan akan menghapuskan satu pesaka orang² Melayu, sebab Askar Melayu ini di-ujudkan pada zaman Sultan Mohamed Yang Ke-Empat dahulu. Jadi saya fikir Askar Melayu ini patut di-kekalkan. Kalau demokrasi di-Malaysia ini mahu hidup bagaimana yang ada sekarang, Askar Melayu ini patut di-perbesarkan, Askar Melayu ini jangan di-ubah².

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan, ada bahagian wanita dalam tentera Tempatan. Saya nampak di-sebabkan konfrantasi telah sudah tidak ada lagi di-sebabkan perkara yang di-hadapai oleh pegawai² dalam bahagian ini, sa-baik-nya-lah Tentera Tempatan bahagian wanita ini di-hapuskan.

Satu perkara yang saya suka hendak menarek perhatian, oleh sebab masa ada lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu berbong dengan latehan² askar kita di-luar negeri. Saya berharap Kementerian ini supaya mengiktiraf ijazah kelulusan Maktab Tentera di-Republik Arab Bersatu ia-itu di-Mesir. Kita telah menghantar 3 orang pemuda kita di-sana dan kita mengiktiraf kelulusan maktab menunjukkan kita maju sa-langkah di-dalam bidang ketenteraan.

Lagi satu perkara Pechahan-kepala 37—Bahagian Pakaian. Pakaian ini yang saya hendak bangkitkan, ia-lah bahagian bekalan dobbi dan menjahit. Usaha ini patut di-berikan kepada ahli² perniagaan bumiputera yang ada mempunyai lesen, kerana mendobbi dan menjahit. Sa-lama ini pehak yang berkenaan ini chuma melayan kepada pemborong² yang bukan bumiputera. Anak bumiputera yang ada mempunyai lesen sa-umpama ini 15 kali sudah meminta, mempunyai kelayakan yang sama yang bukan bumiputera telah di-tolak permintaan-nya. Akhir-nya bumiputera ini bekerja dengan pemborong

yang bukan bumiputera. Jadi saya harap perkara ini dapat perhatian.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, boleh saya minta penjelasan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Ta' boleh, ta' boleh—saya, masa chukup berharga, lebeh berharga daripada fasal lain (*Ketawa*).

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya chuma hendak menarek perhatian atas ucapan yang di-buat oleh Yang Berhormat sahabat saya daripada Kuala Trengganu yang menyentoh berhubung dengan pembayaran gaji guru² ugama dalam bahagian tentera ini. Saya harap mereka ini di-berikan gaji yang sawajar-nya dengan khidmat-nya, terutama sekali, kita tengok dalam Pechahan-kepala Guru² Ugama Perempuan. Dengan sebab ini kita mempertimbangkan pembayaran gaji yang baik ini, maka pengajaran ugama akan dapat di-terima oleh masyarakat Askar Melayu kita itu akan dapat berkembang dengan baik dari masa ka-sa-masa.

Satu perkara yang saya hendak chakapkan lagi berhubung dengan gaji Askar Melayu ini, saya fikir pada masa sekarang sudah chukup. Ada Ahli Yang Berhormat, dari mana tadi, sudah ta' ingat lagi—dari Kabol agak-nya—minta ma'af, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Jangan gunakan perkataan itu—ini menerbitkan persengketaan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Minta ma'af, Tuan Pengerusi, saya lupa, Tuan Pengerusi.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Pasir Mas Ulu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Pasir Mas Ulu telah mengatakan bahawa dengan gaji ini, gaji yang ta' baik. Saya fikir gaji ini ada-lah sa-baik² gaji di-terima oleh anggota askar ini. Sebab, sa-sapanjang masa yang kita dengar, askar² kita ini mempunyai tata-tertib yang baik terhadap orang ramai, dan

tidak pernah kita dengar Askar² kita ini meminta barang² daripada orang ramai bagaimana kapada askar² yang lain. Jadi, saya fikir tata-tertib yang baik daripada askar² kita dengan gaji yang di-berikan dengan sempurna itu, tidak-lah benar atas apa yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Ulu itu. Sekian-lah sahaja, terima kaseh.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, boleh saya membuat penjelasan?

Mr Chairman: Dia sudah habis, tidak ada penjelasan lagi.

The Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister (Tuan Chen Wing Sum): Mr Chairman, Sir, out of the 144 Members in the House, I am very glad to say all except one have supported this Bill for reasons obvious to all and I do not wish to elaborate on them here.

Mr Chairman, Sir, it has been the policy of this Government not to have too big an Army, at the same time we cannot afford not to have an inadequate one to deal with the prevailing circumstances. In short, the expansion and maintenance of our Army is for peace and security of our Nation and our country.

Mr Chairman, Sir, the Honourable Member for Kuala Trengganu Utara has suggested to increase the number of religious teachers. In fact, they have a scale and the number at the moment is adequate. He has also suggested to appoint more graduates as officers. Sir, we will consider that suggestion. As to the observations made by the Honourable Member for Pasir Mas Hulu, firstly, in respect of the expansion of the Malay Regiment is not realistic—the Malay Regiment is in infantry. What we have to expand is the supporting arms. The Army must be properly balanced. It is also not realistic to intergrate or to adopt the Territorial Army into the Malay Regiment, for our volunteers will serve as reserves to be called up whenever they are required.

It has been the policy of the Ministry of Defence to invite tenders for weapons, aircraft, etc. It is not only the cheapest that we want but the best equipment, aircraft and ships for our Armed Forces. It is also the policy to train our officers everywhere provided it conforms to our requirement. For the information of this House, we have also a few graduates from Egypt as officers in our Armed Forces. It is also our policy to provide accommodation for every soldier but the programme of building depends on the availability of funds.

As to the salary scales, we are not able to pay them as well as the British, as their pay must be comparable to our own rates of pay, such as for the Police and the Civil Service. However, a working party has been established to look into the question of pay and terms of service.

As to the question of looking after the ex-servicemen, the Honourable Deputy Prime Minister has already told this House that a special Department has been established to look into it. The Ministry will also look into the question of providing hostels for the children of the personnel of the Armed Forces. But at the moment we have very limited funds for that matter.

Sir, as to the observation by the Honourable Member for Temerloh—he suggested the provision of transport for the children of the personnel of the Armed Forces—it is the practice that if the public bus service is not adequate the Ministry will provide them with adequate transportation.

The Honourable Member for Kota Star Selatan has suggested that we should have commandos. Sir, I would like to inform the Honourable Member that the Ministry of Defence is fully alive to this problem and is taking adequate steps. It is not, however, in the public interest for me to disclose details of the steps being taken by the Ministry.

As to the question of Medical Officers in the Armed Forces, I wish

to inform the Honourable Member that no Medical Officers have been recruited from outside. To meet the shortage of Medical Officers, National Service of Medical Officers, is being continued and they are called up.

The Honourable Member for Malacca Selatan has touched on the question of salary of the Armed Forces. I would like to inform the Honourable Member that there is a scale and that scale must be comparable to the salary of the other sectors, as I informed the House just now. As to the qualifications of the Armed Forces, I must say that we must get the right people for the right posts, for the right places. The Honourable Member for Lipis made two observations: firstly he suggested an increase in the number of Generals, and the number of high ranking officers, Sir, the number of Generals must depend on the size of the Army. He also suggested to have a graveyard for the unfortunate members of the Armed Forces who have served and sacrificed their lives in action. That suggestion, Sir, will receive the attention of the Ministry of Defence. The Honourable Member for Batu Pahat suggested the introduction of military training into secondary schools. Sir, it is being done in the form of cadet corps in secondary schools.

Sir, the Honourable Member for Perlis Utara has suggested that we should provide free education and free books to the children of the Armed Forces personnel in return for what they have done for the nation and the country, free education at the moment is given to all children in this country at the primary level. As to the question of free books, it is not only the Armed Forces but also, in that respect, the Police and every civil servant, perhaps, who would say that they have served the country for life and therefore their children should be entitled to free books, etc. However, this Ministry would look into the possibility of the suggestion.

The Honourable Member for Bachok has also suggested the adoption of the

Territorial Army into the Malay Regiment. The same answer which I have given to the Honourable Member for Pasir Mas Hulu applies.

He also suggested to give more priority to the retired Territorial Army servicemen, so that they can be given opportunity to work in the land schemes, etc.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya tidak pernah kata begitu. Yang saya sebutkan apa-kah bekas Tentera Wataniah ini di-masokkan dalam satu Angkatan Tentera yang baharu—a new brigade.

Tuan Chen Wing Sum: However, Sir, the Deputy Prime Minister has already informed this House that a special department has been established to look into this matter.

Sir, the Honourable Member for Batu, as usual, after making his speech, left the House without waiting for the answers and probably will come back again to make the same speech next time. However, I hope he would read the newspaper, so that he will know the answers. The question of the strength of our Armed Forces depends on the security situation, as has already been told to this House by the Honourable Deputy Prime Minister. No doubt, we have been very fortunate to have signed a Peace Treaty with Indonesia. We also have excellent relationship with Thailand, but international politics being what it is, even a peace-loving nation like ours has no alternative but to have an adequate army, so that in times of necessity we would be in a position to defend the integrity of our nation. Sir, the Honourable Member for Batu has also tried to give the wrong impression to the people, and to the world, by saying that we are trying to expand our Army into a modern Army, equipping ourselves with missiles, nuclear submarines, etc. Sir, that is not quite so. Every country if it wants to defend its territorial integrity must have some sort of army to do the job. We do not propose to spend too much money for the Armed

Forces. What we want is an Army adequate enough to deal with the prevailing circumstances.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat Setia-usaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri menyebut kerap kali “adequate army”. Sekarang saya hendak bertanya apa-kah adequate strength for our army that Government has in mind now? What is the ideal strength for the army?

Tuan Chen Wing Sum: Sir, what I said is that we want to have an adequate army. I did not say, we have already got an adequate army. That is why we need more money to expand it.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Adequate army ini ia-lah satu tentera yang cukup. Jadi bagi negeri kita ini, contoh yang cukup itu banyak mana? Berapa battalion? Dapat-lah kita timbangkan dengan wang yang diminta ini. Hendak 20 battalion-kah, tiga puluh-kah, lapan puluh General-kah, 120 Leftenan Kolenel-kah, kita hendak tahu itu—ideal strength yang kita hendak.

Tuan Chen Wing Sum: Sir, perhaps I would repeat the statement made by the Honourable Deputy Prime Minister that the size of the army depends on the security situation.

Sir, the allegation that the Generals come from royal blood, or from amongst Tengkus, is not quite right. Of the three Generals we have, only one General, either accidentally or unfortunately, comes from the royal family (*Laughter*) I can assure this House that they are there because of merit, not because they are from a royal family.

Sir, I hope I have answered all the observations made by Honourable Members, and once again my thanks to those who have supported these estimates and those who have spoken so much of the gallantry and the good work done by our Armed Forces.

Question put, and agreed to.

The sum of \$250,005,081 for Head S. 16 ordered to stand part of the Schedule.

House resumed.

Mr (Deputy) Speaker: Ahli² Yang Berhormat saya ma'alumkan ia-itu

Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbe-
kalan tahun 1967 telah sampai kepada
Kepala S. 16 bagi Jadual dalam Rang
Undang 2 ini. Jawatan-kuasa akan
bersidang pada pagi esok.

Adjourned at 6.30 p.m.